# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 23 BILANGAN 50 | RABU 13HB. DISEMBER, 1978. | 1399 رابو 12 محرم | PERCHUMA




KEBAWAH D. Y. M. M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah berangkat ka-Dewan Majlis untok merasmikan Persidangan Majlis Mashuarat Negeri kali yang ke-16 (Belanjawan) pada hari Rabu minggu lalu.

Gambar atas kelihatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan; TYT Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson; DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah; Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa dan YTM Seri Paduka Pengiran Pemancha bergambar ramai beserta Yang Amat Mulia Pengiran Speaker dan Ahli2 Yang Berhormat sa-telah selesai Istiadat Pembukaan Rasmi Persidangan tersebut.

## *Saat penchapaian kemerdekaan dalam tempoh lima tahun*

# MELETAKKAN RAAYAT DAN PENDUDOK MULA HADAPI SATU CHABARAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sekali lagi mengingatkan bahawa penchapaian kemerdekaan bagi Negeri Brunei dalam tempoh lima tahun dari sekarang meletakkan raayat dan pendudok negeri ini mula menghadapi satu chabaran untok memboktikan ketabahan dan tanggongjawab mereka yang tulin pada mempertahan dan mempermajukan segala yang telah kita warithi sejak berkurun2 lama-nya.

Persediaan kita untok menghadapi chabaran yang besar itu, titah Baginda, ada-lah mustahak di-mulakan dari sekarang dengan niat mudah2an dengan izin Allah apabila ketibaan kemerdekaan itu nanti kita akan dapat berganding bahu dalam memikul bersama2 beban sa-buah negara yang menekmati kemerdekaan yang tulin.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah bertitah demikian ketika merasmikan Persidangan Majlis Mashuarat Negeri bagi Musim Permashuaratan yang ke-16 Sidang Belanjawan di-Dewan Majlis pada hari Rabu lalu.

Dalam titah itu, Baginda seterus-nya menekankan dalam menanti saat kemerdekaan itu juga, Kerajaan Baginda akan terus berusaha menyediakan beberapa persediaan di-samping mengharapkan raayat dan

Lihat muka 16

## *Brunei di-jangka chapai kelebehan hasil $1,407 juta tahun depan*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negara, Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama John Lee menjelaskan, bahawa Brunei di-jangka akan mendapat hasil yang berjumlah $2,386 juta sapanjang tahun 1979 ini berbanding jumlah perbelanjaan yang di-anggarkan sa-banyak $979 juta.

Ini, jelas Yang Berhormat itu, satu kelebehan hasil Pendapatan Negara akan di-chapai sa-banyak $1.407 juta dan sa-jumlah $100 juta dari-nya akan di-buat ka-dalam Kumpolan Wang Kemajuan dengan menjadikan baki keridit dalam Kira2 Hasil Yang Di-Satukan sa-hingga 31hb Disember, 1979 sepatut-nya akan berjumlah sa-banyak $7,956 juta.

Beruchap ketika membentangkan usol Rang Undang2 bagi memohon sa-jumlah wang dari Kumpolan Wang Yang Di-Satukan bagi perkhidmatan kerajaan sa-panjang tahun 1979, Yang Berhormat itu berkata, tiada terdapat keperluan untok mengubah chorak perchukaian, bagaimanapun rundingan2 yang telah di-jalankan dengan sharikat2 minyak dan gas beberapa tahun kebelakangan di-harap akan memberi hasil dalam satu tempoh kestabilan kewangan untok beberapa ketika yang akan datang.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negara itu lagi memberitahu Dewan, pengeluaran minyak purata dalam tahun 1978 ia-lah sabanyak 230 ribu tong sa-hari dan ini mungkin akan dapat di-kekalkan lagi tahun depan di-samping hasil pendapatan dari-nya akan berada dalam paras yang sama dengan tahun ini memandangkan harga2 minyak di-jangka akan naik dalam tahun 1979.

Di-samping itu, kata Yang Berhormat itu, Brunei telah menekmati satu lebehan imbangan perdagangan yang besar hasil dari ekspot minyak dan gas serta kenaikan harga yang terdapat dari bentok tenaga yang sa-demikian dalam mana jangka waktu enam bulan pertama 1978 jumlah

Lihat muka 16

## Lebeh $1 ribu juta akan di-peruntokkan bagi perkhidmatan 1979

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-jumlah wang dari Kumpolan Wang Yang Di-Satukan untok perkhidmatan bagi tahun 1979 berjumlah lebeh $1 ribu juta ($1.048,014,497.00) akan di-untokkan bagi semua Jabatan Kerajaan.

Anggaran belanjawan itu telah di-luluskan oleh Majlis Mashuarat Negeri yang kini bersidang memasoki hari yang ke-enam.

Antara anggaran belanjawan yang terbesar di-peruntokkan bagi tahun depan ia-lah bagi Kumpolan Wang Kemajuan yang berjumlah $100 juta.

Jabatan Pelajaran tahun ini akan menerima peruntokkan sa-jumlah $92,540,-978.00 manakala Jabatan Kerja Raya sa-banyak $83,-176,502.00 dan sa-jumlah $70,356,974.00 lagi bagi Perkhidmatan2 Rampaian.

Wang Yang Di-Satukan itu sa-banyak $40,609,839.-00 juga di-untokkan bagi Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan, $39,299,-110.00, bagi Jabatan Letrik dan $25,390,407.00 bagi Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Sa-banyak $16,243,417.00 kapada Radio dan Talivishen, $16,194,428.00 bagi Jabatan Penjara, $15,737,-561.00 bagi Jabatan Perjawatan dan $12,910,733.00 kapada Jabatan Penerbangan Awam.

Jabatan Bandaran juga turut mendapat tambahan peruntokan bagi perkhidmatan sepanjang tahun 1979 ia-itu sa-banyak $12,-673,608.00 di-samping $12,-

Lihat muka 16

**Pelita Brunei**
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

13HB DISEMBER, 1978

## MEMANG KEMERDEKAAN SUATU CHABARAN

MEMANG banyak chara bagi sa-sebuah bangsa atau negara di-dunia ini berjuang untok menchapai kembali kemerdekaan dan kedaulatan-nya dan untok itu banyak pula chara dan usaha bangsa atau negara itu berjuang dalam mempertahan, mempertinggi dan mengisi kemerdekaan tersebut supaya ia benar2 terjamin dan menjamin isi di-dalam-nya dari segala rupa bentok pencharoba bagi tujuan2 survival bangsa atau negara itu sendiri.

Sudah banyak chontoh yang dapat kita perhatikan dan dengar sendiri dari warta dunia saban hari yang berligar di-sekeliling kita mengenai perkara demikian. Untok menchapai kemerdekaan itu, ada bangsa atau negara yang berjuang dan berjaya merangkul kembali atas perlaksanaan yang di-usahakan dengan sikap tolak ansor di-meja perundingan, malah ada pula negara atau bangsa yang berjuang untok menchapainya dalam bentok revolusi yang berkehendakkan titisan ayer mata, darah dan nyawa.

Kalau kita perhatikan dan amati dari apa yang sudah tersurat bahawa kemerdekaan yang di-chapai dengan pengorbanan titis ayer mata, darah dan nyawa itu tadi saperti apa yang telah berlaku dalam zaman kebangkitan penchapaian kemerdekaan di-negara2 Asia dan Afrika lain-nya, bahawa kemerdekaan dan nekmat dari-nya yang di-perjuangkan dan di-perolehi menerusi revolusi itu tadi kebanyakan-nya sering tergugat dan di-gugat oleh sa-gelintir raayat samada dari golongan minoriti tetapi berpengaroh atau dari golongan terbanyak yang terhimpit oleh kuasa2 pemimpin kemerdekaan mereka yang hanya berusaha menekmati hasil kemerdekaan itu untok diri mereka sendiri.

Dan akibat dari tergugat dan di-gugat itu tadilah negara itu sering pula di-ancham oleh ketidakstabilan sa-hingga bangsa yang mendiami-nya di-landa kehanchuran. Perebutan kuasa sering berlaku, pertumpahan darah dan nyawa melayang tidak terbilang. Perkara sa-rupa ini memang kita akui telah pernah berlaku di-negara kita sendiri dari sejarah hitam tahun 1962, mujor perkara demikian kita hanya sempat menghirup udara pahit di-saat penchapaian-nya sahaja dan tidak sempat kesesakan nafas dalam saat2 mengisi kemerdekaan yang mungkin di-hasilkan-nya. Semuanya liputan sejarah sa-umpama itu ada-lah merupakan chabaran yang amat pahit dan getir di-rasakan oleh bangsa itu sendiri.

Dan kini kita di-negara Darussalam hari ini tentunya berasa beruntong dan akan memanjatkan rasa terima kaseh ka-atas kebijaksaan pemimpin kita yang sedia kita junjong di-atas kedaulatan beraja yang kita warithi zaman berzaman sejak bahari lagi, maka tidak shak lagi di-mana dengan kebijaksanaan dan pimpinan yang jujor dari hati nurani Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, kemerdekaan tersebut akan kita chapai dalam suatu suasana yang penoh aman dan bererti atas hasrat baginda membawa raayat dan pendudok Brunei yang gemilang ini menekmati buah2 kemerdekaan tanpa hasad dan dengki.

Namun semua itu dalam kita meniti arus hingga ka-saat kemerdekaan yang telah di-restui itu, kita yang mengisi bumi Brunei ini tidak akan terlepas dari chabaran saperti mana yang telah di-titahkan oleh Baginda Yang Dipertuan bahawa dalam jangka waktu lima tahun dari sekarang ada-lah merupakan suatu saat yang penoh dengan chabaran untok kita memboktikan ketabahan dan tanggong-jawab yang tulin pada mempertahan dan mempermajukan segala yang telah kita warithi.

Kerana itu dalam menghadapi chabaran demikian kita sa-bagai raayat yang berlindong ada-lah mustahak dari sekarang menyusun segala usaha yang berkebajikan dengan niat yang baik untok banasa, negara dan ugama, mudah2an dengan izin Allah s.w.t. apabila saat gemilang kemerdekaan itu menjelang kita akan sama2 bergandingan dalam memikul beban dan tanggong-jawab sa-bagai raayat yang berguna dalam sa-buah negara yang penoh menekmati kemerdekaan dan kedaulatan-nya yang sejati, bak kata pepatah 'bersedia payong sa-belum hujan' untok kita sama2 menanai yang 'berat sama di-pikul dan yang rengan sama di-jinjing'.

# TITAH SA-PENOH KEBAWAH D.Y.M.M. KETIKA MERASMIKAN PERSIDANGAN MAJLIS MASHUARAT NEGERI PADA 6HB DISEMBER



**KEBAWAH D.Y.M.M. bertitah di-Istiadat Perasmian Majlis Mashuarat Negeri kali yang ke-16 pada hari Rabu lalu.**

SEGALA puji2an bagi Allah Subhanahu Wata'ala, dan salam serta selawat bagi Junjongan kita Nabi Muhammad Salallahu 'Alaihi Wassalam serta pengikut2 dan sahabat2 Baginda yang taat setia lagi jujor hingga ka-akhir zaman.

Yang Amat Mulia Pengiran Speaker dan Ahli2 Yang Berhormat sekalian.

Beta bershukor Kehadzarat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kornia dan ke-izinan-Nya jua yang kita semua dapat bersama2 hadzir pada pagi ini, untok memulakan Sidang Majlis Mashuarat Negeri Kali Yang Ke-16. Beta berharap serta berdoa mudah2an Persidangan Majlis ini akan berjalan dengan terator dan membuahkan hasil2 yang penoh berkebajikan dan yang bermunafaat kapada Negeri Brunei Darussalam yang sama2 kita chintai serta kapada segala isi di-dalam-nya. Tidak payah Beta mengingatkan kapada Ahli2 Yang Berhormat mengenai dengan tugas dan kewajipan mereka dalam Persidangan ini, yang mana ada-lah di-harapkan supaya semua Ahli pada membinchangkan sesuatu perkara yang di-bentangkan dalam Majlis ini, akan menyumbangkan buah fikiran serta pendapat yang membena dengan perasaan yang jujor lagi ikhlas serta penoh bertanggong-jawab.

Sebagaimana juga di-tahun2 yang sudah, di-antara perkara2 yang akan di-binchangkan di-Persidangan ini ia-lah Ranchangan Belanjawan Negeri Bagi Tahun 1979, dan ranchangan2 tersebut akan menggambarkan usaha2 Kerajaan Beta yang berterusan dalam bidang2 yang terpenting bagi Negeri Brunei, khusus-nya dalam bidang pertahanan dan keselamatan negeri, bidang pelajaran dan pendidekan termasok perkembangan di-lapangan Ugama Islam, bidang perubatan dan kesihatan dan lain2 lagi bidang kemajuan yang di-maksudkan untok memberikan munafaat kapada seluroh raayat dan pendudok negeri ini.

Selain dari perkara Belanjawan, Majlis Mashuarat ini juga akan membinchangkan beberapa Rang Undang2, termasok-lah Rang Undang2 yang akan Menchegah Penyalahgunaan Dadah, yang mana bertujuan untok melindongi raayat dan pendudok negeri ini dari di-timpa oleh bahaya2 penyalahgunaan dadah, yang mana keadaan sa-demikian itu nampak-nya telah menjadi masaalah yang rumit di-kalangan masharakat2 di-beberapa buah negeri lain.

> **"Walau pun istiadat menanda-tangani itu akan di-adakan dalam awal bulan Januari tahun 1979, akan tetapi tempoh bagi Brunei menchapai kemerdekaan penoh maseh lagi lima tahun di-kira dari 31hb Disember, 1978".**

Sebagaimana Ahli2 akan ingat, dalam Majlis sempena menyambut Hari Keputeraan Beta pada 15 hari-bulan Julai tahun ini, Beta telah mengumumkan mengenai dengan persetujuan dan persefahaman yang telah di-perolehi di-antara Kerajaan Beta dengan Kerajaan Paduka Seri Baginda Queen mengenai dengan Negeri Brunei Darussalam menchapai semula taraf-nya sa-bagai sa-buah Negara yang berdaulat lagi penoh merdeka dalam tahun 1983. Dan dengan izin Allah jua, persetujuan dan persefahaman itu telah di-jadikan satu Rang Perjanjian yang mana telah di-initial di-London dalam bulan September yang baharu lalu. Dan sekarang Rang Perjanjian itu hanya-lah menunggukan perasmian sa-chara beristiadat. Pada memileh hari yang bersukut sempena baik dan untok mensesuaikan dengan urusan2 Menteri yang berkenaan dalam Kerajaan Paduka Seri Baginda Queen, maka Insha' Allah, Perjanjian baharu itu akan di-tandatangani sa-chara beristiadat di-Brunei pada awal bulan Januari tahun hadapan ya'ani tahun 1979. Walau pun istiadat menandatangani itu akan di-adakan dalam awal bulan Januari tahun 1979, akan tetapi tempoh bagi Brunei menchapai kemerdekaan penoh maseh lagi lima tahun di-kira dari 31 haribulan Disember tahun ini ya'ani tahun 1978. Ada-lah hasrat yang ikhlas oleh kedua2 belah pehak bahawa Perjanjian baharu di-antara Negeri Brunei dengan Britain itu, Insha' Allah, akan meneruskan serta menguatkan lagi persahabatan dan kerjasama yang sedia ada di-antara kedua2 buah Negara.

Beta dengan ikhlas dan berterus-terang ingin mengingatkan kapada Ahli2 Yang Berhormat khusus-nya, dan kapada raayat dan pendudok Negeri Brunei am-nya, bahawa penchapaian kemerdekaan bagi Negeri Brunei dalam tempoh lima tahun dari sekarang, sunggoh pun akan merupakan satu ketika yang amat bersejarah yang telah kita idam-idami akan tetapi pada ketika itu juga Negeri Brunei serta raayat dan pendudok-nya akan mula menghadapi satu chabaran untok memboktikan ketabahan dan perasaan tanggong-jawab mereka yang tulin terhadap mempertahankan dan memperjuangkan segala2-nya yang kita telah warithi sejak berkurun-kurun lama-nya. Persediaan2 kita untok menghadapi chabaran yang besar itu, ada-lah mustahak supaya di-mulakan dari sekarang dengan niat manakala saat-nya tiba nanti, maka kita di-Negeri Brunei ini, dengan izin Allah, akan dapat berganding bahu pada bersama2 memikul bebanan sa-buah negara yang menekmati kemerdekaan yang tulin. Ka-arah ini, Insha' Allah, Kerajaan Beta akan terus berusaha pada menyediakan persiapan2 untok saat yang bersejarah itu dan ada-lah di harapkan supaya pehak raayat dan pendudok Negeri ini juga akan sama2 menyumbangkan tenaga bakti mereka kapada Kerajaan Beta dalam segala usaha2 yang berkebajikan itu.

Mengambil sempena Hari Pembukaan Sidang Majlis Mashuarat Negeri pada hari ini, Beta ingin menegaskan lagi peri mustahak-nya kita menambah dan menguatkan usaha2 di-bidang pertahanan dan keselamatan negeri supaya segala kerja2 yang berkebajikan kapada Negeri Brunei yang kita chintai ini akan dapat terus di-laksanakan dalam keadaan yang penoh keamanan dan ketenteraman, dan supaya semua raayat dan pendudok yang chintakan keamanan akan dapat menjalankan usaha2 yang jujor dan di-redzai Allah tanpa gangguan dari anasir2 yang tidak di-ingini.

Akhir-nya, Beta dengan ikhlas menguchapkan selamat bersidang dan selamat bermudzakarah kapada Yang Amat Mulia Pengiran Speaker dan Ahli2 Yang Berhormat sekalian. Dan Beta juga ingin menyatakan kegembiraan Beta di-atas kehadziran Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Watson di-Majlis ini.

Beta juga mengingatkan dan menguchapkan terima kaseh kapada Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Pasokan Polis Diraja Brunei dan kapada Pasokan Tentera Paduka Seri Baginda Queen pada menumpukan dayausaha mereka mengawal bagi menchemerlangkan pada melambangkan keamanan, ketenteraman, ma'amor dalam suasana berbahagia dan maju Negeri kita Brunei Darussalam.

Wabillahi taufik walhidayah, wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarkatuh.

# DASAR KERAJAAN YANG ADA KETIKA INI MASEH BERJALAN KUAT-KUASA

DALAM perbahasan yang di-mulakan oleh Majlis Mashuarat Negeri bagi Musim Permashuaratan ke-16 Sidang Belanjawan tahun ini yang di-jalankan di-sebelah petang hari Khamis, 6hb Disember, 1978, Majlis telah membinchangkan beberapa soalan mulut yang di-beri notis oleh lima orang Ahli Yang Berhormat yang di-lantek dan di-jawab oleh Ahli2 Rasmi Kerajaan.

Antara soalan2 mulut tersebut termasok-lah yang berhubong dengan masaalah2 jalan-raya, bekalan letrik, perkhidmatan perubatan dan kesihatan, masaalah tanah, perpindahan, keselamatan dan perumahan.

Menjawab soalan2 mulut itu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail menjelaskan, bahawa Kerajaan ketika ini telah dan sedang menimbangkan permohonan2 tanah yang di-lakukan sa-belum tahun 1955 dan sudah banyak geran2 tanah di-keluarkan di-tiap2 daerah negeri ini.

Menjawab soalan yang di-hadapkan oleh YB Pehin Orang Kaya Singamenteri Awang Ariff bin Mujun, Yang Amat Berhormat menyambung bahawa dasar kerajaan yang ada ketika ini maseh berjalan kuat-kuasa-nya, bagaimanapun perengkat pertama untok urusan ini bahawa kerajaan sedang berusaha untok menyediakan tapak perumahan bagi pegawai2 kerajaan yang tidak bertanah yang terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



YAB Menteri Besar

Dalam soalan lain yang di-timbulkan oleh YB Pehin Orang Kaya Seri Setia Awang Haji Ali bin Ismail yang ingin mengetahui sa-jauh mana-kah langkah2 kerajaan yang telah di-buat mengenai ranchangan perpindahan. Yang Amat Berhormat menjelaskan, bahawa ranchangan perpindahan akan di-ator sa-chara berperengkat2. Untok perengkat permulaan kerajaan sedang berusaha untok menyediakan tapak perumahan bagi pegawai2 kerajaan yang tidak bertanah yang di-sebutkan di-atas.

Bagaimanapun Yang Amat Berhormat juga memberi penjelasan bagi pehak kerajaan bahawa pembenaan pejabat2 kerajaan yang baru termasok rumah2 kaki-tangan kerajaan dan rumah sakit baru bagi Daerah Temburong akan di-laksanakan mengikut giliran sebagaimana yang telah di-tentukan menurut keutamaan, manakala pembenaan rumah2 kaki-tangan kerajaan telah pun di-mulakan dan yang lain2-nya mengikut perengkat-nya masing2. Demikian sabda Yang Amat Berhormat bagi menjawab soalan yang di-kemukakan oleh ahli yang di-lantek dari Daerah Temburong YB Pehin Datu Laila Raja Haji Abu Bakar bin Baha.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Setia Usaha Kerajaan pula menjelaskan kapada Dewan berkenaan soalan yang di-hadapkan oleh YB Awang Chong Seng Toh yang menimbulkan ketiadaan pondok pulis di-sekitar kampong2 Bukit dan Merimbun di-Tutong.

Untok ini Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan berkata bahawa memandang kapada keamanan dan ketenteraman di-kampong2 berkenaan pehak pulis belum memikirkan berpatutan untok mengadakan pondok2 pulis, bagaimanapun kampong2 tersebut ketika ini telah mendapat kawalan pehak pulis dari pondok2 pulis yang berdekatan saperti Balai Pulis Pekan Tutong dan Lamunin.

Menimbulkan soalan mulut yang lain berkenaan dengan pembenaan barek bagi anggota Pasokan Bomba di-Daerah Tutong, YB Setia Usaha Kerajaan menjawab bahawa perkara tersebut sedang di-ranchang untok di-laksanakan, demikian juga bekalan letrik ka-rumah2 di-tepi jalan antara batu 7½ hingga 7¾ jalan Lamunin Insha Allah akan di-laksanakan mengikut keutamaan.



DARI kanan YB Pehin Orang Kaya Laila Wijaya, YB Pengiran Laila Kanun Diraja, YB Pehin Orang Kaya Khazanah Negara, YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, YB Orang Kaya Pekerma Dewa Lukan dan YB Dato Paduka Awang Haji Othman.



YB Pg Haji Sepiuddin

**BAHAWA** Kerajaan Baginda akan terus berusaha pada menyediakan persiapan untok saat kemerdekaan Brunei dan berharap supaya pehak raayat akan sama2 menyumbangkan tenaga bakti kapada Kerajaan Baginda dalam usaha2 yang berkebajikan itu. Titah Baginda itu tidak dapat di-abai2kan malahan kita mesti-lah melaksanakan usaha2 dengan sadaya-upaya sesuai dengan sifat kita orang2 Brunei yang terkenal dengan ketaatan.



YB Chong Seng Toh

**BERSHUKOR** dalam memperkatakan kemajuan perkembangan Negeri Brunei yang di-sifatkan ada-lah atas berkat pimpinan yang bijaksana dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan menyatakan bahawa kemerdekaan yang di-titahkan sa-bagai mendapat restu dari raayat Baginda.




## *Ahli2 Dewan di-harap melahirkan buah fikiran yang membena*

DALAM membahaskan usol dari Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, ahli yang di-lantek, YB Awang Abdul Latif bin Awang Abdul Hamid telah menyatakan perhatian beliau kapada Dewan atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang mana Baginda mengharapkan tanggong-jawab Ahli2 Dewan supaya melahirkan buah fikiran yang membena.

Menjunjong titah Baginda itu, Yang Berhormat Awang Abdul Latif maseh tetap mengemukakan pendapat2-nya tentang betapa perlu-nya perbelanjaan negara di-perhatikan dengan sedalam2-nya bagi mengelakkan pembaziran.

Kata-nya, pehak yang berkenaan saperti ketua2 pejabat harus-lah menarek perhatian penoh dalam menjimatkan perbelanjaan dan jangan-lah mensifatkan kerana Negeri Brunei ini kaya raya maka soal perbelanjaan tidak harus di-pertikaikan.

YB. Awang Abdul Hamid mengingatkan bahawa Negeri Brunei ada-lah sa-bagai sa-buah negara yang mengamalkan dasar2 Ugama Islam yang mana Ugama Islam itu sendiri melarang sikap pembaziran sa-hingga jangan sampai kita menerima akibat sa-bagai apa yang di-katakan "Tikus lari kerana rumah terbakar."



YB Awang Abdul Latif

Menghadapkan kapada Dewan YB Awang Abdul Latif menjelaskan, betapa ahli2 yang di-lantek sa-jauh ini telah membuat beberapa usaha yang positif untok mendapatkan masaalah2 yang di-hadapi oleh raayat di-samping berusaha untok mendekatkan lagi hubongan raayat dengan kerajaan.

Justeru, hasil dari usaha demikian sa-buah laporan lengkap telah pun di-hadapkan kapada pehak2 berkenaan dengan harapan tindakan akan di-ambil terhadap perkara2 yang di-fikirkan perlu.

Menyentoh dengan kemerdekaan yang di-titahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, YB Awang Abdul Latif mensifatkan bahawa kemerdekaan itu ada-lah satu perkara yang tidak ternilai erti-nya kapada manusia, sebab itu pemeliharaan-nya ada-lah perlu supaya ia tidak akan menjadi 'duri dalam daging'.

YB Awang Abdul Latif sa-terus-nya menegor keolahan sa-tengah2 pegawai kerajaan dalam membahaskan usol YAB Menteri Besar itu yang di-sokong oleh YB Dato Paduka Awang Haji Othman bin Bidin yang mana jelas-nya pegawai2 kerajaan berkenaan tidak mengindahkan tanggong-jawab terhadap raayat di-samping menampakkan sifat2 yang mementingkan diri sendiri, dan beliau berharap supaya sifat demikian akan segera dapat di-hapuskan.

Untok mengesani keolahan itu kata-nya, beliau lalu menshorkan supaya di-tubohkan Badan Pengaduan Orang Ramai yang juga ada guna-nya untok tujuan2 pada mengetahui perkara2 yang menjadi sungutan orang ramai.

Di-samping itu YB Awang Abdul Latif sa-terus-nya menshorkan lagi supaya di-tubohkan sa-buah jawatankuasa untok menyelidek projek2 kerajaan yang beliau sifatkan sa-bagai terbengkalai.

Mengakhiri perbahasan bagi usol tersebut, YB Awang Abdul Latif mensifatkan bahawa tempoh kemerdekaan dalam lima tahun itu ada-lah sa-bagai sesuai untok kita menyediakan apa2 persiapan yang antara lain kata-nya ia-lah saperti latehan2 kapada pegawai2 yang bakal menjawat jawatan2 penting.

Ini jelas-nya harus-lah di-berikan dengan chara2 yang berkesan supaya nekmat-nya akan dapat di-rasakan bersama oleh raayat. Beliau juga berharap supaya titah Baginda itu akan dapat di-pelajari dengan sedalam2-nya oleh semua pehak terutama dalam melaksanakan apa yang di-hasratkan terhadap ugama, negara dan faedah2 raayat.



YB Pehin OKSS Haji Ali

**MENGHARAPKAN** pehak2 berkenaan yang di-amanahkan supaya melaksanakan dengan sabaik2-nya tentang persediaan2 ka-arah kemerdekaan Brunei itu di-samping raayat juga perlu menyiapkan diri untok mengisi kemerdekaan tersebut.

# H.H. THE SULTAN OPENS LEGCO MEETING

BANDAR SERI BEGAWAN. — His Highness the Sultan Sir Muda Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah last Wednesday officially declared open the 16th session of the Legislative Council held at the Dewan Majlis here.

His Highness arrived at 9.30 a.m. and received the Royal Salute. He then inspected a guard-of-honour accorded by officers, men and band of the Royal Brunei Police Force.

Afterwards His Highness, escorted by the Speaker Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Umar and other state dignitaries, proceeded to the Rest Room of the Dewan Majlis.

After a brief rest, His Highness accompanied by the Speaker and the other state dignitaries went into the Dewan Persidangan where His Highness delivered his opening address.

Among the state dignitaries present were the British High Commissioner Mr Arthur Watson, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, the Yang Teramat Berhormat General Adviser Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Wazir, Yang Amat Mulia Pengiran Cheterias, community leaders and senior government officials.

About an hour earlier a new member was sworn in. He is Yang Berhormat Begawan Pehin Khatib Dato Seri Utama Haji Metali bin Matyassin.

The council also unanimously approved the minutes of last year's meeting.

When the council resumed its sitting in the afternoon, members questioned the Government on the progress of the five-year national development plan.

The questions centred mainly on bringing all government facilities to the rural areas.



His Highness the Sultan receiving his speech from the Mentri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin.



His Highness escorted by the guard commander, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Perkasa DSP Pengiran Haji Hamdan, inspecting the guard-of-honour.

## The great challenge the people must face

BANDAR SERI BEGAWAN. — His Highness the Sultan has said that in the five years to Brunei's independence, the people will begin to face a challenge to prove their faith and sense of responsibilities to uphold and improve all that the State holds dear which have been handed down through centuries.

His Highness stressed that it is important that their preparedness to face that great challenge should start now so that when the time comes, they will be able to shoulder together the burden of a truly independent country.

The Sultan said towards this end, the Government will continue in its endeavour to prepare for the historical event, and he expressed the hope that the people will contribute their efforts likewise.

His Highness was speaking before he officially declared open the 16th session of the Legislative Council held at the Dewan Majlis here last week.

Earlier, His Highness said the agreement on the State attaining its status as a fully independent and sovereign country in 1983 resulted in a Draft Agreement which was initialled in London last September.

He said the Agreement will be ceremonially signed in Brunei early next month, but the five-year period leading to full independence will take effect on the thirty-first of this month.

His Highness said it is the desire of both Brunei and Britain that the new agreement will continue and strengthen the friendship and cooperation prevailing between the two countries.

On the meeting, His Highness hoped all members in discussing any matter laid before the Council, will contribute their ideas with sincerity and faithfulness and with full responsibility.

He said as in previous years, among the items to be discussed is the development estimates for next year, which will give a picture of the Government's continuous efforts in dealing with important projects, particularly in the defence and security of the State, education including the propagation of Islam, medical and health, and other fields of developments for the benefits of the people.

Besides the estimates, the Council will discuss several Bills including the Misuse of Drugs Bill, the purpose of which is to protect the people from the dangers of drug abuse which has become a difficult problem in other parts of the world.

His Highness also stressed the importance of augmenting and strengthening the country's defence capabilities and security in order that all beneficial projects will continue to be implemented in peace and tranquility, and the people who love peace will be able to carry out their lives without hinderance from undesirable elements.

His Highness thanked the State's security forces for their efforts in maintaining peace and tranquility, and prayed that Allah would bestow upon the country guidance, peace, favours and blessings.

## Graduation for 110 religious students

BANDAR SERI BEGAWAN. —One hundred and ten students of the Seri Begawan Religious Teachers College in Jalan Tutong last week graduated at a convocation ceremony held at the college hall.

The students some of them girls had just completed a three-year teaching course at the college.

They received their certificates which make them fully trained teachers from Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Laila Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohammad Daud.

Yang Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Pengiran Sahibul Bandar also presented certificates to more than fifty other people who had attended various courses at the college.

The presentation was preceded by speeches by the State Religious Affairs Officer Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohammad Zain bin Haji Serudin and the acting Principal of the College, Awang Haji Yahya bin Ahmad.



A representative of the Brunei Shell Petroleum Company, Mr. Terry Hashins, presenting a Shell merit prize to a pupil who was among the seventy-six recepients from thirty-eight primary Malay and Chinese schools in the Tutong District at a ceremony held last Thursday in Tutong Town and attended by, among others, the District Officer, Awang Haji Yahya bin Haji Harris, and the acting Head of the Planning Research and Guidance Unit of the Education Department, Dayang Misli binte Haji Awang.

Nearly four hundred students from schools throughout the State have been selected to receive the awards this year.

## Christmas trees

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Forest Department will as usual supply Christmas trees which may be collected from its Head Office here and the Forest Stations at Sungai Liang and Seria during office hours from December 20 to 24.

The price of a tree between three feet and six feet is $6.00; six feet and ten feet $10.00; and over ten feet $12.00.

Orders for these trees should be placed as soon as possible at the Head Office here or at the District Forest Offices in Kuala Belait and Tutong, or at the Forest Station at Sungai Liang.

Those who wish to get their Christmas trees personally or earlier should obtain permits from the above-mentioned offices.

## New Hospital ready in 82

BANDAR SERI BEGAWAN. — The foundations for the new general hospital at Kiulap near here are almost complete.

A spokesman for Alister MacDonald & Rakan, the consulting architects for the project, said that after a great deal of work in preparing and levelling the site followed by 18 months of elaborate piling to support the four-storey ward block, this stage of building which is almost entirely underground and invisible is nearing completion.

Some 1,200 reinforced concrete piles 60 feet deep have been required.

The spokesman said the contract for the superstructure was awarded last month to Hong Lee Construction Company, the firm which has been building the foundations.

The Ward Block Group — which accommodates nearly all the 500 beds, the X-Ray department, operating theatre suite and some other departments — consists of 3 main ward blocks which are connected to a central tower containing the lifts.

He said: "Within the next few months the concrete shell of these blocks will be seen to rise on the skyline at Kiulap. Though the outer shell will grow quickly, the complicated installations of finishes inside will take longer and the building should be complete in April 1982."

The spokesman said the School of Nursing will start to be built in March next year, so as to be able to accommodate the additional trained and student nurses needed for the new hospital.

It will be complete by 1980, two years before the rest of the hospital, with a student nurses' hostel and a block of flats for trained nurses scheduled for occupation a few months later.

The spokesman also disclosed that plans are already being prepared for a recreational complex, which is expected to consist of two tennis courts, three badminton courts, a squash court and a swimming pool, for the use of all the staff of the hospital.

# SEKALI JALAN KENA, DUA KALI JALAN TAHU

**Bingkisan minggu ini**

KALAU-LAH tidak kerana sesuatu kesalahan yang di-rasakan oleh sa-seorang kanak2 yang baru belajar berjalan ketika ia melangkahkan kaki-nya ka-hadapan, maka tidak-lah kanak2 itu akan berjaya menchoba kebolehan-nya hendak berjalan itu.

Begitu juga-lah jalan-nya dengan sa-seorang yang telah dewasa yang menjalani kehidupan-nya sa-hari ka-sehari. Ia tidak akan berjaya membena kehidupan-nya dengan sempurna sebagaimana yang di-kehendaki-nya, selagi ia tidak mahu untok menoleh ka-belakang mengkaji kesilapan dan kesalahan yang telah pernah di-lakukan-nya dalam masa hidup-nya, di-masa-masa yang telah lalu. Dengan mengkaji dan mempelajari dari segala kesalahan yang pernah kita lakukan pada masa2 yang lalu itu, tentu-nya kita akan lebeh berhati-hati dan waspada ketika kita hendak melakukan sesuatu perkara yang baru. Ini akan membawa kapada kejayaan sesuatu pekerjaan yang sedang kita lakukan pada hari ini.

Orang tua2 kita dahulu telah meninggalkan satu pepatah untok menjadi titek menongan untok kita di-hari ini. Pepatah itu berbunyi, 'Sekali jalan kena, dua kali jalan tahu'. Erti-nya, kalau kita sudah terkena buat kali pertama, dengan alasan kita belum lagi tahu menahu akan hal yang bakal terjadi sesudah itu, tetapi buat kali kedua-nya tentu-nya kita sudah beringat dan berwaspada. Agar dengan itu kita tidak akan terkena buat kali kedua-nya.

Di-samping itu ketabahan dan kechekalan hati kita dalam menghadapi sesuatu yang bakal kita lalui juga perlu, kerana dengan bersikap begitu kita tidak akan mudah 'kalenguan' dan mudah patah hati apabila merempoh sesuatu rintangan. Malahan hati kita akan bertambah lagi kuat keazaman-nya, sehinggakan membuahkan sesuatu yang kita harap2kan. Sama juga-lah dengan kanak2 damit yang baru pandai hendak berjalan, sebagaimana yang di-mithalkan tadi. Kalau tidak di-'gagah2i'-nya dengan rebah bangun kemudian menangis kesakitan kerana terjatoh, tentu-nya ia akan berasa amat sukar untok berjalan.

Memang-nya tidak kita dapat natikan, yang kita maseh teringat-ingat dan terbayang-bayang akan sesuatu kesalahan yang telah pernah kita lakukan dalam kehidupan kita di-masa2 yang lalu dan tentu-nya kita tidak akan dapat untok melupakan-nya. Kesalahan2 tersebut maseh lagi bermain-main di-benak fikiran kita sampai bila2 pun, kerana ia telah meninggalkan sesuatu beban yang amat sukar untok di-lupakan. Tentu-nya hal2 tersebut kita akan jadikan bahan menongan dan kajian untok mengatasi apa jua yang telah pernah mengenai diri kita.

Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang telah di-riwayatkan oleh Muslim daripada Abi Hurairah yang maksud-nya kira2: "*Tidak tersengat (terkena) orang mukmin di-suatu lubang dua kali*".

Dalam Hadith ini, Rasulullah s.a.w. menggambarkan kapada kita mengenai dengan sikap orang2 Mukmin yang sentiasa berjaga-jaga dalam sa-tiap gerak laku. Mereka ini selalu beringat2 dan berwaspada, supaya tidak terkena sesuatu yang pernah mengenai diri mereka buat kali kedua-nya. Mereka telah awal2 lagi mengambil pengajaran dan tauladan yang baik dari kejadian2 yang telah lalu. Segala tindak-tanduk mereka ada-lah selaras dengan kehendak ajaran Islam yang akan mendapat restu dari Allah s.w.t.

Akhir-nya dapat-lah kita merumuskan bahawa kita semesti-nya berhati-hati dalam menempoh gelombang hidup ini di-samping mempunyai ketabahan, yang tidak pernah kenal 'jara'. Dan anggap-lah kesalahan pertama itu sa-bagai jalan perintis menempoh kejayaan di-kali kedua.

## BENA RUMAH

KILANAS. — Satu kerja memuchang2 membena rumah bagi sa-orang janda kapada Allahyarham Awg Badar bin Tiban di-batu 8 di-sini pada hari Sabtu, 2hb Disember lepas yang di-ketuai oleh Penghulu Mukim Kilanas, Dato Derma Wijaya Hj Tamit bin Aspar dan Ketua Kampong Kilanas, Hj Yussof bin Metamit.

Rumah tersebut di-bena atas bantuan dari Majlis Ugama Islam sa-banyak $1,000.00 dan pendudok berkenaan sa-banyak $500.00. Menyertai kerja memuchang2 itu termasok-lah Awg Hj Omarali bin Hj Muhiddin, Penolong Setia Usaha Majlis Ugama Islam.

## Sambutan Awal Muharam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah dan Sekolah Arab Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit telah mengadakan satu sambutan Tahun Baru Islam pada minggu lalu.

Sambutan itu meliputi uchapan2 oleh Pengetua Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah, Awang Haji Suhaili bin Haji Mohiddin, dan Ketua Pegawai Pelajaran Ugama Ustaz Haji Abdul Saman bin Kahar. Achara kemunchak ia-lah sa-buah persembahan nashid oleh penuntut2 kedua sekolah tersebut.

Sementara itu satu majlis yang serupa akan di-adakan di-Sekolah Melayu Sinaut di-Daerah Tutong pada hari Jumaat.

Majlis itu di-anjorkan bersama oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Tutong dan pendudok2 Kampong Sinaut.



YANG Amat Mulia Pengiran Pekerma Setia Laila Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Mohd Daud kelihatan sedang menyampaikan sijil kapada salah sa-orang lepasan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan yang telah berjaya menamatkan kursus. Majlis penyampaian sijil tersebut telah di-langsongkan di-Dewan maktab berkenaan pada 2hb Disember yang baru lalu. (Gambar JHEU).

## Seminar Dakwah Islamiah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu Seminar Dakwah Islamiah untok Pegawai2 Rendah Kerajaan anjoran Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei dengan kerjasama Kesatuan Pegawai2 Rendah Kerajaan, akan di-adakan selama tiga hari berturut2 mulai pada 24hb Disember, 1978 ini di-Sekolah Menengah Arab (Lelaki) Hassanal Bolkiah, Batu 1½ Jalan Tutong. Seminar tersebut berthemakan "MENDAKWAH DIRI SENDIRI DAN MASHARAKAT ITU ADA-LAH KEWAJIPAN YANG UTAMA".

Antara lain tujuan besar seminar ia-lah:

1. Mendukong dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi menjadikan Islam sa-bagai Ideoloji Negara serta chara hidup yang lengkap.

2. Menggiatkan lagi dakwah Islamiah di-kalangan kaki-tangan dan pegawai2 kerajaan.

3. Memupok kesedaran berugama sa-bagai satu ikhtiar ka-arah menegohkan lagi kejujoran di-kalangan kaki-tangan dan pegawai2 kerajaan dalam menjalankan tugas2 harian mereka.

4. Menchiptakan suasana yang harmoni di-kalangan pegawai2 dan kaki-tangan kerajaan dengan mengujudkan suatu bentok sosial yang berlunaskan ugama Islam.

5. Menghalusi amal ibadat sembahyang dan taharah.

Tiga buah kertas kerja akan di-bentangkan, masing2 bertajok:

1. PEGAWAI2 KERAJAAN DAN UGAMA akan di-sediakan oleh Dato Haji Mohd. Ali bin Haji Daud,

2. SEBARAN 'AM SA-BAGAI ALAT DAKWAH di-sediakan oleh Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim dan

3. CHARA2 YANG BERKESAN KA-ARAH MENGHAYATI ISLAM SA-BAGAI CHARA HIDUP akan di-sediakan oleh Awang Haji Abdul Saman bin Kahar.

Sementara kuliah2 suboh juga akan di-berikan oleh:

1. Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal, Kadhi Besar Brunei dalam tajok "BEBERAPA SHARAT MENJADI PENDAKWAH" dan,

2. Oleh Awang Haji Abdul Aziz bin Juned, Pegawai Ugama Kanan dalam tajok "MAKAN MINUM CHARA ISLAM SERTA PENGAROH-NYA KAPADA KEHIDUPAN".

Seminar ini akan di-sempurnakan perasmian-nya oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, sementara yang akan menutop dan menerima rumusan2 ia-lah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Awang Haji Umar, Setia Usaha Kerajaan.



MELAFADZ akad Islam saperti yang kelihatan dalam gambar ini ia-lah YDM Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Matserudin bagi saudara baru kita Awang Abdul Rahman bin Abdullah bertempat di-rumah Haji Metussin bin Barahim di-Kampong Lurong Dalam, Bandar Seri Begawan pada 30hb Nobember lepas. (Gambar JHEU).

## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 13hb Disember, 1978 hingga ka-hari Selasa 19hb Disember, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 13hb Dis. | 12.20 | 3.39 | 6.16 | 7.30 | 4.46 | 5.01 | 6.19 |
| 14hb Dis. | 12.20 | 3.39 | 6.16 | 7.30 | 4.46 | 5.01 | 6.19 |
| 15hb Dis. | 12.20 | 3.39 | 6.16 | 7.30 | 4.46 | 5.01 | 6.19 |
| 16hb Dis. | 12.23 | 3.42 | 6.18 | 7.33 | 4.49 | 5.04 | 6.22 |
| 17hb Dis. | 12.23 | 3.42 | 6.18 | 7.33 | 4.49 | 5.04 | 6.22 |
| 18hb Dis. | 12.23 | 3.42 | 6.18 | 7.33 | 4.49 | 5.04 | 6.22 |
| 19hb Dis. | 12.23 | 3.42 | 6.18 | 7.33 | 4.49 | 5.04 | 6.22 |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

## ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI

## KERJAYA SA-BAGAI PERTUKANGAN JURUTERA



OLEH kerana sistem senjata moden akan di-gunakan, Askar Melayu Diraja Brunei mengehendaki dengan segera rekrut2 yang sesuai untok latehan sa-bagai Pertukangan Jurutera.

Rekrut2 ini akan menerima latehan akademik dan peralatan di-Brunei, Singapura dan United Kingdom. Sa-lepas menamatkan latehan mereka akan bertanggong-jawab untok memelihara dan membaiki alat2 senjata pertemporan yang kompleks saperti helikopter, kapal2, peluru berpandu, kereta2 kebal, penangkis kapal terbang yang berpandu, senjata2 meriam yang sedang di-gunakan atau akan di-gunakan di-dalam AMDB.

Sa-bagai menghargai ka-atas kemahiran2 mereka itu mereka akan di-bayar gaji pertukangan khas mengikut kebolehan. Sa-lain dari itu mereka akan menerima semua elaun2 dan faedah2 yang biasa di-terima bagi soldadu2 yang berkhidmat di-AMDB saperti elaun chatuan, elaun tinggal di-luar dll.

**KELULUSAN YANG DI-KEHENDAKI**

Pemohon2 mesti-lah terdiri dari raayat DYMM Sultan dan berumor di-antara 17½ dan 25 tahun dan terdiri daripada Bangsa Melayu ia-itu dari kaum jati puak Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.

Berikut ada-lah kelulusan yang di-kehendaki :

a. **Untok Pertukangan Tekneshen.** (Marine Artificer, Radio dan Radar Tekneshen, Tekneshen Kapal Terbang dll) — Lulus Sijil Pelajaran Brunei perengkat biasa di-dalam Ilmu Hisab, Ilmu Fizik (atau Ilmu Sain) dan Bahasa Inggeris.

b. **Untok Pertukangan Artisan.** (Mekanik Kenderaan, Pembaiki senjata, Mekanik kapal terbang dll) — Sijil Rendah Pelajaran Brunei termasok Ilmu Hisab, Ilmu Sain dan Bahasa Inggeris.

Walau bagaimana pun, pemohon2 yang tidak mempunyai sa-bahagian atau semua2 daripada kelulusan akademik yang tersebut di-atas tetapi di-dalam Tingkatan 3 aliran Inggeris atau tinggi dari itu, yang berminat dan kebolehan untok menjalani latehan sa-bagai Pertukangan Jurutera, akan di-berikan latehan akademik ka-perengkat yang di-kehendaki di-Pusat Latehan AMDB, sa-lepas menamatkan latehan 14 minggu.

Jika KAMU berminat dalam mempelajari satu pertukangan membawa kapada kerjaya yang menggembirakan sa-bagai pertukangan jurutera di-AMDB, penohkan borang pemohonan di-bawah dan alamatkan kapada :

Pegawai Pengambilan Rekrut
Askar Melayu Diraja Brunei
Bolkiah Kem, Brunei.
Talipon 23531 Sambongan 01 atau 02

### KERJAYA SA-BAGAI PERTUKANGAN JURUTERA ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI

Nama ..........................................................................

No Kad Pengenalan ..............................Tarikh Lahir..............................

Nama Sekolah ..........................................................................

Tingkatan..............................

Mata Pelajaran Perengkat Biasa dan Keputusan :

..........................................................................

..........................................................................

..........................................................................

Mata Pelajaran SRPB dan Keputusan :

..........................................................................

..........................................................................

..........................................................................

Alamat ..........................................................................

No Talipon ..............................

Tanda Tangan..............................


# T-JAWAB ORANG2 DEWASA KAPADA MASHARAKAT

PANTAI LUMUT. — Penolong Pegawai Daerah Belait, Pengiran Omar bin Pengiran Sabtu, sa-jurus sebelum merasmikan Pesta Pantai Peranginan Lumut anjoran Penuntut2 Kelas Dewasa Belait, di-sini baru2 ini menyatakan bahawa tujuan mengadakan pesta itu ia-lah untok memberikan gambaran yang sehat kapada masharakat; betapa perlu-nya keindahan sa-mula jadi dan alat2 permainan serta kemudahan2 yang di-tempatkan di-pantai itu akan dapat di-nekmati dan di-gunakan sa-baik2-nya dengan rasa penoh tanggong-jawab.

"Bertanggong-jawab kapada kebisaian dan kemudahan yang di-sediakan di-Pantai Lumut yang memang di-usai dan di-bisaikan untok maksud perkilahan bagi melepaskan penat lelah atau relax di-hujong minggu", jelas-nya lagi.

Penolong Pegawai Daerah itu menyeru kapada semua pengunjong2 pantai itu agar sama2 memelihara kebisaian pantai tersebut di-samping menyingkirkan sikap sa-bagai si-pugut !

Tambah-nya, dengan kerja-sama orang ramai, khusus-nya pengunjong2 pantai itu, Insha Allah, Pejabat Daerah akan meneruskan usaha-nya untok membisaian lagi pantai itu lengkap dengan kemudahan2 yang di-perlukan, umpama-nya bilek menukar pakaian dan tandas.

Menyentoh dengan peristewa2 saperti kemalangan sedih berlaku ka-atas sa-orang kanak2 yang lemas ketika mandi-manda di-pantai; kanak2 belasan tahun yang berani memasoki rumah orang dengan niat melakukan penchurian; anak2 muda kita sudah pandai mabok berjalan terhuyong-hayang, berchakap tidak tentu arah sa-olah2 orang lepas makan chandu — maka di-sini-lah peranan orang2 dewasa untok mengambil tahu dan kita tidak sa-harus-nya bersikap toleran atau membiarkan sahaja, tindakan harus-lah di-ambil, usaha hendak-lah di-buat bagi mengurangkan perbuatan menular yang melanggar undang2 negeri itu.

Terdahulu dari itu, Pengiran Omar juga menaroh keyakinan melalui pesta pantai anjoran penuntut2 kelas dewasa itu akan meniupkan semangat orang2 dewasa yang mempunyai pemikiran yang sihat dan pandangan yang jauh pada memainkan peranan sa-bagi jentera ka-arah mengujudkan ketenteraman fikiran serta kegirangan. "Malah pesta ini juga boleh di-jadikan jambatan mempererat tali persaudaraan dan pendorong ka-arah menghidup, memperkaya serta meninggikan kesenian dan kebudayaan orang2 kita Brunei yang kebilangan dan kaya dengan budi bahasa yang lemah lembut serta bersopan santun," jelas-nya.



**KELIHATAN Penolong Pegawai Daerah Belait, Pengiran Omar bin Pengiran Sabtu ketika merasmikan Pesta Pantai Peranginan Lumut dan di-sebelah kanan beliau ia-lah Pengerusi pesta tersebut yang sa-laku salah sa-orang Penyelia Pelajar Dewasa, Che'gu Tuah bin Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman.**

# Pelajaran Dewasa membantu taraf kehidupan raayat

PANTAI LUMUT—Penolong Penyusun Pelajaran Dewasa, Awang Haji Abdul Hamid bin Othman menegaskan bahawa sedikit sa-banyak Bahagian Pelajaran Dewasa telah dapat membantu taraf kehidupan raayat di-negeri ini dengan jalan mereka melalui Pelajaran Dewasa.

Sa-bagai bokti-nya, tambah beliau, bagi pegawai2 Kerajaan ada di-antara-nya yang telah di-beri peluang melanjutkan pelajaran mereka ka-sebrang laut dengan sa-chara Latehan Perkhidmatan untok meninggikan akademik mereka atau mengambil diploma dan ijazah serta pengalaman profesinal yang perlu.

Kata-nya, Pelajaran Dewasa ini juga dengan tidak sa-chara langsong telah dapat mengurangkan kegiatan belia2 melakukan perbuatan jenayah, kerana pengetahuan mereka dan masa mereka sentiasa penoh dengan pelajaran. "Dengan erti kata lain, sa-seorang itu akan terhindar daripada melakukan perkara yang tidak di-ingini, jika masa-nya sentiasa di-tumpukan ka-arah menuntut ilmu pengetahuan; apa-tah lagi jika ia tahu memperaktikkan ilmu pengetahuan-nya itu dengan sa-baik2-nya", jelas beliau.

Ini ada-lah di-antara enam tujuan atau faktor utama Bahagian Pelajaran Dewasa, yang telah di-nyatakan oleh Awang Haji Abdul Hamid dalam uchapan-nya sa-jurus sa-belum temasha Pesta Pantai Lumut di-rasmikan oleh Penolong Pegawai Daerah Belait, yang baru lalu.

Turut beruchap dalam majlis itu ia-lah Pengerusi pesta itu, Che'gu Tuah bin OKMD Haji Saman yang menyentoh empat perkara penting, maka-nya pesta tersebut di-adakan. Antara-nya; mengeratkan lagi tali silaturrahim antara pelajar2 dewasa sendiri.



**GAMBAR atas menunjokkan Penolong Penyusun Pelajaran Dewasa, Awang Haji Abdul Hamid bin Othman sedang menyampaikan uchapan-nya sementara bawah pasokan hadhrah yang di-pimpin oleh Awang Haji Wahid bin Haji Daud, turut menyerikan temasha Pesta Pantai Lumut itu.**



# RANCHANGAN TV MINGGU INI

**Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikir-kan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

## RABU — 13HB. DIS.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 STAR TREK — "Operation . . . . : : Annihilate"
6.16 AZAN MAGHRIB
6.20 STAR TREK — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 THE PAPER CHASE
7.30 AZAN ISHA
7.34 THE PAPER CHASE — sambongan
8.00 BEWITCHED — "Tabatha's Cranky Spell"
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 LAPORAN MAJLIS MASHUARAT.
*9.15 SHOW OF THE WEEK "Johnny Mathis in the Canadian Rockies"
10.05 PERLAWANAN GUSTI
11.05 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 14HB. DIS.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 VALLEY OF THE DINOSAURS "After Shock"
6.16 AZAN MAGHRIB
6.20 VALLEY OF THE DINOSAURS — sambongan
6.30 DR WHO "Robot" — Episod 4
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 HOW THE WEST WAS WON
7.30 AZAN ISHA
7.34 HOW THE WEST WAS WON — sambongan
8.00 HIDAYAT
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 LAPORAN MAJLIS MASHUARAT.
*9.15 DOKUMENTARI MELAYU — Audubon Wildlife Theatre "Adventure High Arctic"
Ranchangan ini menggambarkan satu pengembaraan di-tengah2 penghidupan liar di-Northland, Canada yang sejok membeku. Beruang2 Khutub utara, anjing2 laut dan berbagai jenis burong ada di-perlihatkan.
9.45 TAYANGAN FILM MELAYU
11.45 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 15HB. DIS.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 AL-KESAH
5.45 CLOPPA CASTLE — "A State of Emergency"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG
6.16 AZAN MAGHRIB
6.20 SAYANG ADEK KU SAYANG — sambongan
6.30 THE MUPPETS
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 TELEMATCH
7.30 AZAN ISHA
7.34 TELEMATCH — sambongan
8.00 ODD MAN OUT "Clunck Click"
Neville terjumpa kereta lama bapa-nya di-tempat menyimpan kereta di-kilang-nya dan mendapati ia-nya penoh dengan kenang2an lama bapa-nya.
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 THE DAVID NIXON MAGIC SHOW
9.30 QUINCY — "A Good Smack in the Mouth"
10.20 NIGHT GALLERY
11.10 SIARAN TAMAT.



TAYANGAN gambar minggu ini bertajok "Ring of Bright Water" ada-lah satu pengembaraan penghidupan yang benar2 berlaku. Graham Merrill tinggal di-London. Ia benchikan kebisingan dan kesebokan di-bandar dan ingin sekali melarikan diri ka-desa. Sa-lepas satu pertemuan yang tidak di-sangka2 dengan sa-ekor anjing laut (otter) di-sa-buah setor binatang2 peliharaan, ia membeli binatang itu tanpa berfikir panjang dan menamakan-nya "Mij". Apabila ia mendapati bahawa binatang peliharaan ini tidak dapat tinggal di-bandar, Graham berpindah ka-sa-buah pondok lama di-desa. Mij pula berkawan mesra dengan sa-ekor anjing bernama Jonnie, dan Graham tertarek hati dengan tuan punya anjing itu ia-itu Mary Mackenzie. Ia-nya ada-lah sa-buah kesah yang menyayatkan hati yang semesti-nya di-tontoni.

Gambar kelihatan "Mij" — the otter binatang utama dalam tayangan gambar minggu ini "Ring of Bright Water". Juga di-bintangi oleh Bill Travers dan Virginia Mckenna.



JOE Hardy menyelamatkan sa-orang gadis yang berbakat dalam ilmu batin dari di-kejar oleh pendudok2 bandar yang menyangka bahawa ia sa-orang ahli seher, oleh kerana ia dapat melihat satu kejadian sa-belum ia-nya benar2 berlaku. Ia dan Joe melarikan diri ka-sa-buah bangunan yang kosong, di-mana pendudok2 bandar takut untok memasoki-nya kerana mereka perchaya bangunan itu berhantu. Sa-telah Frank tiba di-bandar kechil itu, ia dan Joe chuba untok membongkar perhubongan misteri di-antara Stacy dan rumah lama itu, chuba mendapatkan kesan2 tanda dari Mrs Blair, ibu gadis itu dan Dr. Mann yang merawat Stacy.

Gambar: Shaun Cassidy sa-bagai Joe Hardy, dalam cherita "The House on Possessed Hill", episod THE HARDY BOYS MYSTERIES minggu ini.

## SABTU — 16HB. DIS.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 THE LOST ISLAND "Jeremiah and the Widow"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.18 AZAN MAGHRIB
6.22 SESAME STREET — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 DOCTORS' HOSPITAL "And Hear A Sudden Cry"
Kesakitan yang amat sangat oleh kechederaan di-kaki menyebabkan sa-orang peragawati feshen terkemuka menjadi penagih dadah — dan kemudian-nya menjadi penchuri untok membiayai pembelian dadah.
7.33 AZAN ISHA
7.37 DOCTORS' HOSPITAL — sambongan
8.00 GURAU SENDA
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 LAPORAN MAJLIS MASHUARAT.
*9.15 STARSKY AND HUTCH
10.05 PREMIER SOCCER
10.55 TAYANGAN MALAM SABTU — "Ring of Bright Water"
12.30 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 17HB. DIS.

PETANG

5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 CHOMAT DAN CHOMEL — "Chuacha"
5.45 DAISY DAISY
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 ATOM ANT — "Killer Diller Gorilla"
6.18 AZAN MAGHRIB
6.22 ATOM ANT — sambongan
6.30 THE ADVENTURES OF BLACK BEAUTY — "The Recruiting Sergeant"
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 PROJECT U.F.O. "Nevada Desert Incident"
7.33 AZAN ISHA
7.37 PROJECT U.F.O. — sambongan
8.00 THE ROLF HARRIS SHOW
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 "THE NEW ENGLAND ENSEMBLE"
9.25 ANNA KARENINA — Episod 9
10.15 THE COLLABORATORS — "Night Into Mourning"
11.05 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 18HB. DIS.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 TREASURE ISLAND — Bahagian pertama
6.18 AZAN MAGHRIB
6.22 TREASURE ISLAND— sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 LOU GRANT — "Christmas"
Dua buah cherita Hari Natal menchela Lou dan kaki-tangan Tribune. Cherita Billie mengenai satu keluarga yang tidak mempunyai rumah di-putarbelitkan dan penyiasatan Rossi mengenai sa-orang ahli politik yang terhormat di-ketahui umom.
7.33 AZAN ISHA
7.37 LOU GRANT — sambongan
8.00 KEBUN KITA
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 LAPORAN MAJLIS MASHUARAT.
*9.15 HAWAII FIVE O — "We Hang Our Own"
McGarrett masok champor apabila sa-orang hartawan sapi Hawaii yang gagah perkasa membuat undang2-nya sendiri untok membalas dendam di-atas kematian anak-nya kerana di-pukul.
10.05 WINGS — "The Hunters"
Orang2 Jerman mengeluarkan sa-jenis senjata baru. Alan mendapat sukar untok menyedari bahawa peperangan bererti pembunohan.
10.55 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 19HB. DIS.

PETANG

5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.18 AZAN MAGHRIB
6.22 SESAME STREET — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 NANCY DREW AND THE HARDY BOYS MYSTERIES—"The House on Possessed Hill"
7.33 AZAN ISHA
7.37 NANCY DREW AND THE HARDY BOYS MYSTERIES — sambongan
8.00 SERIKANDI
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 LAPORAN MAJLIS MASHUARAT.
*9.15 ARENA SOKAN
9.55 THE PROFESSIONALS "Close Quarters"
10.45 DOCUMENTARY — World of Survival "Safari by Balloon"
11.35 SIARAN TAMAT.

* Bergantong kapada perbinchangan Majlis Mashuarat.

# PEMBENAAN RUMAH SAKIT BARU RANCHAK DI-SELANGGARAKAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerja2 pembenaan Rumah Sakit yang baru yang letak-nya di-Kiulap sedang berjalan lanchar dengan sempurna-nya di-laksanakan kerja2 mengukohkan kedudokan di-bahagian bawah kawasan bangunan empat tingkat itu.

Sa-jumlah 1,200 tiang2 konkret yang tegoh berukoran 60 kaki panjang telah di-gunakan sa-bagai pail untok menjamin kekuatan kedudokan di-bahagian bawah yang merupakan dokongan terpenting bagi ketegohan bangunan tersebut.

Tawaran untok memborong pembenaan di-bahagian sa-belah atas bangunan tersebut telah pun di-umumkan pada 21hb Nobember lepas dan Sharikat Pembenaan Hong Lee berjaya untok di-amanahkan membuat kerja2 tersebut.

Bangunan itu boleh memuat hampir 500 buah katil sa-lain dari bahagian2 penting saperti Bahagian Xray, Bilek Pembedahan dan berbagai bahagian lagi serta tiga buah blok wad yang terbesar yang di-hubongkan terus dengan menara tengah yang mempunyai lif.

Dalam beberapa bulan yang akan datang, bangunan luar menara tersebut akan dapat di-lihat.

Walaupun bahagian luar-nya di-jangka chepat siap, tetapi bahagian dalam-nya mengandongi pemasangan2 yang sulit dan mengambil masa sa-hingga bulan April, 1982.

Sementara itu, Sekolah Jururawat akan mula di-bena pada bulan Mach 1979 ini untok memuatkan jururawat2 terlateh dan sedang dalam latehan yang mana tenaga2 ini di-kehendaki apabila Rumah Sakit Baru itu di-buka.

Sekolah itu di-jangka siap menjelang tahun 1980 ia-itu dua tahun lebeh awal dari penyiapan lain2 bahagian di-Rumah Sakit itu.

Asrama sekolah dan blok2 flat untok jururawat2 terlateh akan sedia untok di-diami beberapa bulan kemudian-nya.

Di-kawasan bangunan itu juga akan mempunyai komplex Ria. Susunan pembenaan bagi komplex tersebut yang baru2 ini telah di-perkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia ada-lah sedang di-ranchang.

Ia-nya di-jangka akan mempunyai dua gelanggang tennis, tiga gelanggang badminton, gelanggang squash dan juga kolam berenang untok kemudahan semua kaki-tangan Rumah Sakit itu nanti.



GAMBAR menunjokkan model reka-bentok rumah sakit baru yang dalam pembenaan.

# Pendaftaran memasoki Kelas2 Dewasa

KIUDANG. — Pendaftaran untok memasoki Kelas2 Dewasa di-Sekolah Melayu Kiudang boleh di-buat dari sekarang. Pendaftaran tersebut akan di-tutop pada 31hb Disember ini.

Lima jenis matapelajaran akan di-adakan di-sekolah tersebut awal bulan Januari tahun depan ia-itu Pelajaran Menaip, Pelajaran Trengkas, Membenteras Buta Huruf, Urusan Rumah Tangga dan Pelajaran Bahasa Inggeris.

Sementara itu sekolah tersebut juga akan mengadakan Hari Pelajar-nya pada hari Sabtu 16hb Disember ini. Sambutan itu akan bermula dari jam 7.30 pagi.

Para ibubapa dan penjaga murid2 di-sekolah tersebut ada-lah di-persilakan hadhir untok menyaksikan kegiatan2 anak2 mereka.

Pada 20hb Disember pula, Sekolah Melayu Kiudang akan mengadakan Temasha Malam Penutop. Ia-nya akan di-adakan di-Dewan Sekolah tersebut mulai jam 7.30 malam.

Beberapa achara yang terbuka kapada pendudok2 kampong tersebut akan di-adakan dalam temasha itu. Antara-nya ia-lah Peraduan Nyanyian, peraduan pakaian beragam dan nyanyian Brunei Asli.

Peserta yang ingin untok menyertai salah satu achara itu boleh-lah mendaftarkan diri ka-Sekolah Melayu Kiudang pada waktu sekolah di-buka.

# Angkatunjok Sara Hidup bertambah naik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Angkatunjok2 Sara Hidup (cost of Living Index) sa-panjang bulan September dan Oktober tahun ini bagi pendudok2 negeri ini ada-lah bertambah naik berasaskan kapada Angkatunjok Sara Hidup tahun 1963 sa-bagai tahun dasar.

Ini menunjokkan Angkatunjok Sara Hidup bagi bulan September ia-lah 184.07 manakala bulan Oktober ia-lah 185.17 berbanding dengan yang telah di-rekodkan dalam bulan Ogos ia-itu 183.79.

Satu kenyataan dari Yunit Peranchang Ekonomi, Jabatan Setia Usaha Kerajaan menyatakan bahawa pertambahan tersebut ada-lah di-sebabkan oleh kenaikan harga2 yang tinggi bagi barang2 makanan yang tertentu dan juga bagi keperluan2 alat solek pada bulan Oktober.

Kenyataan itu menambah, angkatunjok2 bagi harga makanan masing2 bagi bulan September dan Oktober ia-lah 192.14 dan 193.49 berbanding dengan angkatunjok2 harga makanan bagi bulan Ogos ia-itu 191.78.

Manakala angkatunjok2 bagi keperluan rumah-tangga, minuman dan pakaian untok kedua2 bulan tersebut tetap sama ia-itu keperluan rumah-tangga 150.00, minuman 136.05 dan pakaian 168.33.

Bagaimana pun angkatunjok2 bagi keperluan2 alat solek bertambah naik dari 169.33 dalam bulan September kapada 170.78 dalam bulan Oktober.

Bagi Angkatunjok2 Sara Hidup bagi harga ikan merah, ikan pusu dan bawang merah, Yunit Peranchang Ekonomi menchatetkan yang keperluan2 tersebut telah bertambah murah dari harga2 udang kering, kachang panjang, lada kering dan telor masin yang bertambah mahal.

Ikan pusu dan kachang panjang kata kenyataan itu, ada-lah lebeh murah dalam bulan Oktober berbanding dengan harga2 yang terdapat dalam bulan sa-belumnya.

Sa-balek-nya harga udang kering, timun, lada kering, limau tempatan, telor dan kopi biji di-samping harga satu alat solek, sa-biji tiub ubat gigi dalam tempoh tersebut ada-lah bertambah mahal dari harga bulan September.

Angkatunjok Sara Hidup bagi bulan September tahun ini jika di-bandingkan dengan bulan yang sama tahun lalu ada-lah menunjokkan kenaikan sa-banyak 1.1 mata (0.60%) sedangkan Angkatunjok bagi bulan Oktober tahun ini ada-lah lebeh rendah dalam bulan yang sama tahun lalu sa-banyak 1.54 mata (0.82%).

# Jalankan tugas sa-bagai Ketua Kampong



Yang Dimuliakan Khatib Dato Paduka Haji Md Said



Awang Pudin bin Jumahat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang telah di-perkenankan untok menjalankan tugas sa-bagai Ketua Kampong. Mereka ia-lah Yang Dimuliakan Khatib Dato Paduka Haji Md Said bin Awang Tengah yang akan menjalankan tugas sa-bagai Ketua Kampong Medewa dan Awang Pudin bin Jumahat yang akan menjalankan tugas sa-bagai Ketua Kampong Lambak "A".

Lantekan mereka bermula dari 1hb Nobember, 1978.

# J-K Persatuan Penuntut2 Brunei di-UK

LONDON. — Jawatankuasa Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom bagi tahun 1978/1979 telah di-bentok dalam satu mashuarat yang berlangsong di-Rumah Brunei pada 12hb Nobember yang lalu.

Dalam mashuarat itu, Awang Bujang bin Haji Masu'ut telah di-pileh sa-bagai Yang Dipertua sementara Ak Salleh bin Pg Othman sa-bagai Naib Yang Dipertua. Naib Yang Dipertua Wanita ia-lah Dayang Anidah binte Haji Idris.

Awang Shahrir bin Haji Moksin di-pileh sa-bagai Setia Usaha Agong sementara timbalan-nya ia-lah Dayang Siman binte Haji Yusof Khan.

Setia Usaha Kewangan ia-lah Awang Mohd Said bin Haji Yaakub dan timbalan-nya Awang Abdullah bin Abd Rahman.

Lain2 ahli jawatankuasa yang di-lantek ada-lah saperti berikut:

Setia Usaha Kebajikan — Awang Jaafar bin Haji Ahmad; Penolong Setia Usaha Kebajikan — Ak Sallehuddin bin Pg Haji Yusof; Setia Usaha Penerangan — Ariffin bin Abdul Rahman; Penolong Setia Usaha Penerangan—Awang Metali bin Sitai; Setia Usaha Sosial—Awang Taha bin Amit; Penolong Setia Usaha Sosial — Dayang Salmaya binte Haji Husain; Setia Usaha Sukan — Awg Salamat bin Liman; Penolong Setia Usaha Sokan — Awang Ibrahim bin Haji Hassan; Setia Usaha Hal Ehwal Ugama — Awang Sahminan bin Haji Ludin; Penolong Setia Usaha Hal Ehwal Ugama — Awang Halimaton Haji Abdullah; Setia Usaha Perniagaan — M. Zein bin Mohammad dan Penolong Setia Usaha Perniagaan — Awang Abd Wahab bin Abang Haji Razali.

# Nombor2 talipon di-tukar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Talikom mengumomkan bahawa nombor2 talipon bagi pelanggan2 dari Batu 4 hingga Batu 6, Jalan Tutong yang bermula dengan angka 2 akan di-tukar kapada angka 5.

Kerja2 mengubah angka tersebut telah di-jalankan sejak 3hb Disember lalu dan kerja2 tersebut akan mengambil masa lebeh kurang dua minggu.

# MAIN CHATOR — PERMAINAN DIRAJA

## ASKAR BERKUDA DAN ASKAR JLN-KAKI

OLEH: STEWART WAVELL

TERJEMAHAN AWANG MAHMUD BAKYR

KUDA bergerak ganjil — satu petak dan satu petak sa-chara pepenjuru ka-merata-rata hala. Dan ia dapat melompati halangan, satu-satu-nya buah chator yang dapat melakukan-nya.



Rajah 15



Rajah 17

Sa-masa melompat, ia sa-akan-akan terbabas di-udara daripada haluan-nya. Saya selalu mensifatkan-nya sa-bagai sa-orang penembak bersembunyi di-suatu kedudokan tentera yang berdekatan dengan kedudokan musoh. Ia amat berbahaya. Perhatikan ia melompati Tihir. Tanda X ada-lah tapak ia mendarat.



Rajah 16

Sekarang ini-lah satu chontoh bagaimana Kuda dapat mensah-mat dalam satu gerakan. Ia melompat ka-petak bertanda X dan dari sana mensah-mat Raja musoh. Ini dinamakan sah-mat menchekik. Ia jarang berlaku.

Untok pertemporan awda di-rumah minggu ini, ambil satu Gajah, satu Kuda, dan satu Raja, dan chuba mensah-mat Raja musoh. Dua Gajah bertindak bersama-sama dapat melakukan-nya — di-harap awda sudah mengetahui sendiri — tetapi dapat-kah satu Gajah bekerjasama dengan satu Kuda? Berlateh-lah dan lihat hasil-nya! Saya akan memberi jawapan-nya minggu depan.

Sekarang mengenai Bidak. Ia ada-lah askar jalan-kaki dan pada zaman purba di-senjatai dengan utap dan bujak. Apabila ia menyerang, ia meradakkan senjata-nya sa-chara pepenjuru dari belakang utap-nya. Bayangkan ia bergerak mara, sa-petak demi sa-petak, sa-hingga ia bertembong dengan musoh. Ia meradak dan menawan musoh-nya sa-chara pepenjuru, bukan dengan mara ka-depan. Ia tidak pernah undor. Dalam kurun masehi ke-14, orang2 Itali menghendaki pertemporan di-mulakan lebeh chepat lagi, jadi mereka memperkenalkan satu peratoran yang membolehkan Bidak pertama yang di-gerakkan mara dua tepak. Sa-lepas itu, ia hanya dapat mara satu petak. Apabila satu Bidak sampai ka-barisan kedelapan, ia menjadi Menteri, atau mana-mana buah-chator yang awda pileh. Banyak permainan di-tentukan dengan chara begini. Apabila Bidak menjadi Menteri, ia selalu-nya memenangi permainan itu. Chuba perhatikan beberapa chontoh chara Bidak 'makan'.

**Bidak Puteh 'makan' Bidak Hitam.**



Rajah 18

Fikirkan sa-jenak dengan sunggoh-sunggoh tentang kuasa Bidak yang ganjil itu. Ia berkuasa sa-chara pepenjuru ka-atas dua petak sa-belah-menyebelah di-mana ia dapat meradak atau menawan-nya. Gerakkan Bidak itu ka-depan dan dua petak itu sudah tidak di-kawal oleh Bidak itu lagi. Petak2 itu sudah menjadi 'lemah'.

Petak2 itu kita sebut 'lubang' kerana dengan tidak terkawal ia dapat di-dudoki oleh buah-chator musoh. Jadi, jangan gerakkan Bidak awda tanpa sa-suatu matalamat; kalau tidak awda akan membuat 'lubang'. Fikirkan dalam-dalam sa-belum awda menggerakkan sebarang Bidak.

Di-katakan bahawa Bidak 'mengembang' sa-makin jauh ia bergerak ka-depan. Saya fikir apa yang di-maksudkan ada-lah Bidak menghendaki pemerhatian yang lebeh daripada pehak musoh. Kemaraan-nya mesti-lah di-sekat, dengan yang demikian ia mengurangkan kekuatan musoh dari petak2 yang lain. Ada-lah pasti yang Bidak bertambah kekuatan-nya apabila ia mendekati Raja musoh.

Bidak, tentu-nya, menjadi sangat penting pada penghujong permainan apabila semua buah-chator telah habis di-tawan. Untok latehan awda salanjut-nya mengenai taktik2 bertempor, letakkan dua Raja di-papan-chator dengan satu Bidak, kemudian chuba jadikan Bidak itu Menteri. Raja musoh akan berusaha sunggoh-sunggoh untok menyekat awda. Jadi tentukan dengan betul di-mana awda meletakkan Raja untok mempastikan yang Bidak awda dapat menjadi Menteri. Saya akan menerangkan-nya minggu depan.

**Bidak Hitam 'makan' Kuda Puteh.**



Rajah 19

**Bidak Puteh 'makan' Gajah Hitam.**



Rajah 20

## MASAALAH

**Huraian Masa'alah 2 :**

Julian Hodgson bergerak 1. M-b3, BxK; 2. G-e5, menyekat pertahanan T-f5. Lawan-nya menyerah kalah. Satu chontoh bagaimana hendak menang dengan membelenggu.

**Huraian Masa'alah 3**



Rajah 21

John Littlewood dari Liverpool, sa-orang bangsa British yang bertaraf master dalam permainan chator, walau pun terkenal dengan stail melepaskan diri Houdini dalam permainan chator, nampak-nya menghadapi satu masa'alah yang tidak dapat di-huraikan apabila Hitam (akan bergerak) dalam permainan ini yang berlaku sa-masa Perlawanan Chator Boltan Terbuka tahun lepas. Lawan-nya yang maseh mempunyai satu Kuda teapi kurang dua Bidak mengancham kedua-dua K X T dan T X B. Apa-kah yang patut Littlewood mainkan seterus-nya dan dapat-kah awda membayangkan bagaimana permainan itu berakhir ?

BELIA DAN SOKAN



# SOKAN DI-PESTA PANTAI LUMUT

KAMPONG LUMUT. — Beberapa achara sokan telah di-adakan di-Pesta Pantai Peranginan Lumut, di-sini minggu lalu. Pesta tersebut di-anjorkan oleh pelajar2 kelas dewasa SMAT, K. Belait, SMMA, Seria, Sg. Liang, Panaga, Persatuan Pertiwi, W.I. Belait, P.K.P. Belait dan di-dokong oleh badan2 sukarela belia, di-Daerah Belait.

Pesta dari pagi hingga ka-petang itu sunggoh menggalakkan dan mendapat sambutan dari orang ramai. Lebeh 5,000 orang telah membanjiri pesta itu yang di-rasmikan oleh Penolong Pegawai Daerah Belait, Pengiran Omar bin Pengiran Sabtu.

**GAMBAR kiri ia-lah peraduan membuat tembok pasir bagi kanak2 terbuka sementara gambar bawah pula peraduan merambat (Menebar jala).**





**KELIHATAN peraduan mengupas kelapa lelaki terbuka (atas) dan peraduan mengail ikan di-sungai bagi perempuan dewasa; merupakan achara sokan yang paling menarek perhatian penunton, (achara sokan sebelah pagi). — Keempat2 gambar ini ia-lah kiriman Kelab Foto, Sekolah Menengah Melayu Muhammad 'Alam, Seria.**



# KONGRES MBB 1HB JANUARI, 79

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu Kongres Perwakilan Majlis Belia2 Negeri Brunei, akan di-adakan pada 1hb Januari, 1979 akan datang. Kongres tersebut akan melantek Ahli Jawatankuasa Tadbir Tertinggi Pusat MBB, ia-itu untok sa-lama dua tahun lagi.

Kongres tersebut akan berlangsong di-Pusat Belia dan di-rasmikan oleh YAM Pekerma Setia Diraja Sahibol Bandar Pengiran Haji Ali bin Pg Haji Mohd Daud.

Juruchakap MBB mengharapkan kapada semua Persatuan2 Belia yang bergabong dengan MBB supaya akan dapat menghantar nama2 ketua perwakilan dan dua orang ahli serta jika ada chadangan2 yang ingin di-kemukakan dalam kongres itu, hendak-lah di-hantar dan sampai sa-lewat2-nya pada 23hb Disember, 1978 kapada alamat di-bawah ini : —

Setia Usaha Agong, Majlis Belia-Belia Negeri Brunei, Peti Surat 346, Bandar Seri Begawan, Brunei.

# MIRZA GHULAM AHMAD MENODAI AL-KOR'AN DAN MENGHINA NABI2

## oleh2 dari PERSIDANGAN ISLAM ASIA YANG PERTAMA

OLEH:



HJ.ABD AZIZ JUNED

### Siri ke-17

PERCHUBAAN Mirza Ghulam Ahmad untok mengubah maksud dan makna ayat2 suchi Al-Kor'an telah di-perkatakan oleh Ulama2 Islam, dengan tujuan supaya orang Islam dapat tahu dan tidak terpedaya dengan penyelewengan2-nya yang kotor dan sesat itu.

Baru2 ini saya ada berbual2 dengan sa-orang penuntut kita yang baharu sahaja lulus dari salah sa-buah Universiti di-U.K. dan kini bekas penuntut tersebut telah pun berkhidmat di-salah sa-buah Jabatan Kerajaan. Menurut-nya, ia telah membacha pengajaran Qadiani, dan pada mula-nya saperti tidak terasa apa2 yang janggal, tetapi apabila di-bacha dan di-bacha, akhir-nya baharu-lah dapat di-kesan ada berlaku penyelewengan2 yang mendalam terhadap isi Al-Kor'an dan 'akidah Islamiah.

Buku *Mauqiful Ummah Al-Islamiah Minal Qadianiah* telah menerangkan dengan panjang lebar perbuatan Mirza Ghulam Ahmad menyelewengkan ayat2 Al-Kor'an. Penyelewengan itu meliputi *makna* dan *lafadz-nya* sekali, sa-hingga kemunchak dari keberanian-nya yang jahat itu, banyak ayat2 Al-Kor'an yang khusus di-tujukan (di-khitabkan) kapada Nabi Muhammad s.a.w. untok menerangkan keadaan diri Baginda, telah di-putarbalekkan dan di-ubah, konon-nya semua itu di-tujukan kapada-nya (Mirza Ghulam Ahmad) sa-bagai penerangan dan pengakuan terhadap diri dan kenabian-nya, saperti dalam Surah2 :

1. Surah *Al-Anbia* ayat 107 yang bermaksud : "*Dan tidak-lah Kami utus engkau, ya Muhammad, melainkan untok menjadi rahmat kapada sekalian alam*". Mirza Ghulam Ahmad mendakwa ayat ini di-tujukan kapada diri-nya, bukan kapada Nabi Muhammad.

2. Surah *Al-Ahzab* ayat 45 dan 46 yang bermaksud : "*Wahai Nabi! Sesunggoh-nya Kami mengutus engkau untok menjadi saksi pembawa berita gembira dan pemberi peringatan, dan orang yang menyeru kapada (ugama) Allah, dengan izin-Nya, dan menjadi pelita yang terang.*" Ayat ini juga di-selewengkan oleh Mirza, ia mengaku, dia-lah *Nabi* dan *Pelita* yang di-sebut dalam ayat ini.

3. Surah *An-Najm* ayat 3 dan 4 yang bermaksud : "*Dan ia (Nabi) bukan berkata dengan kemahuan-nya sendiri, sesunggoh-nya itu ada-lah wahyu yang di-wahyukan kapada-nya.*" Demikian juga ayat ini di-anggap oleh Mirza Ghulam Ahmad sa-bagai pembelaan Allah terhadap diri-nya

4. Surah *Ali-'Emran* ayat 31 yang bermaksud : "*Katakan-lah! Jika benar kamu menchintai Allah, ikut-lah aku neschaya kamu akan di-kasehi Allah dan di-ampunkan-Nya dosa kamu.*" Ayat ini ayat dakwah. Menurut Mirza Ghulam, Allah memerentahkan-nya untok menyampaikan kapada manusia supaya mengikut-nya, agar kelak mereka di-kasehi dan di-ampuni segala dosa2 mereka.

5. Surah *Al-Fath* ayat 10 yang bermaksud : "*Sesunggoh-nya orang2 yang berjanji setia kapada engkau, ia-lah mereka yang berjanji setia kapada Allah. Tangan (kekuasaan) Allah di-atas dari tangan2 mereka.*" Mirza Ghulam menafsir ayat ini untok diri-nya, supaya orang ramai mengikut dan patoh kapada ajaran2-nya. Padahal jumhur Ulama tafsir telah lebeh dulu menerangkan ayat ini turun bersempena dengan peristiwa *Hudaibiah* di-zaman Rasulullah.

Banyak lagi ayat yang chuba di-selewengkan oleh Mirza Ghulam Ahmad selain dari chontoh2 di-atas. Dalam terang ia mencheroboh kesuchian ayat2 Al-Kor'an. Padahal semua orang tahu dari makna dzahir ayat, lafadz dan mahupun dari qaul Ulama tafsir, bahawa ayat2 dalam surah2 yang di-sebutkan itu ada-lah khusus turun sa-bagai penerangan tentang keadaan dan kedudokan serta martabat Nabi Muhammad s.a.w. Allah berfirman dalam Surah *Al-Kauthar* ayat 1 yang bermaksud : "*Kami (Allah) mengorniakan kapada engkau (ya, Muhammad) kebaikan yang banyak.*" Tetapi Mirza Ghulam Ahmad mendakwa ayat ini di-tujukan kapada diri-nya. Dzamir *kaf* yang bermakna *engkau* dalam ayat ini ada-lah ia (Ghulam Ahmad), bukan Nabi Muhammad. Sementara ayat 3 Surah yang sama yang bermaksud : "*Sesunggoh-nya musoh engkau menjadi putus harapan,*" perkataan الشانىء dari شانئك yang bermakna *musoh* itu di-tafsirkan oleh Mirza Ghulam Ahmad sa-bagai *Sa'dullah*, sa-orang yang pada mula-nya menjadi pengikut kapada Qadiani tetapi kemudian-nya bertaubat dan menganut semula ugama Islam. Oleh kerana Mirza Ghulam tersangat marah kapada *Sa'dullah* ini, maka lalu di-pileh-nya ayat dari Surah Al-Kauthar ini sa-bagai konon2-nya di-tujukan kapada *Sa'dullah*, bahawa *Sa'dullah* ia-lah musoh ugama Islam dan Nabi baru ini, suatu tafsiran yang sengaja di-ada2kan dan sesat dan tidak kena mengena dengan maksud ayat yang sebenar-nya.

Demikian juga satu ayat dalam Surah *As-Saf* ayat 6, firman Allah yang bermaksud : "*Bahawa Nabi 'Isa 'Alaihissalam bersabda kapada kaum-nya, bahawa Baginda ada membawa berita gembira tentang kedatangan sa-orang Rasul sa-lepas-nya, yang bernama Ahmad.*" Ayat ini-lah yang menjadi sandaran putar-belit Mirza Ghulam Ahmad. Ia mengambil perkataan *Ahmad* sa-bagai alasan tuhor mendakwakan diri-nya Nabi. *Ahmad* dalam ayat ini, menurut-nya, ia-lah diri-nya sendiri, Mirza Ghulam Ahmad, bukan-nya Nabi Muhammad s.a.w. Demikian menurut khalifah Qadiani yang kedua, Mirza Bashiruddin Mahmud, yang menegaskan dalam uchapan-nya pada 17hb Disember, 1915 dan uchapan itu kemudian-nya di-siarkan pula oleh majalah *Anwar Khilafat* (keterangan dari buku *Izalatul Auham* m.s. 673 chetakan pertama).

Ayat ini-lah yang di-gunakan oleh Ghulam Ahmad untok menolak atau lebeh jauh lagi untok mendustakan ayat dari Surah *Al-Ahzah* yang bermaksud : "*Nabi Muhammad itu bukan-lah bapa sa-seorang dari kalangan kamu, tetapi Baginda itu Rasul Allah dan Nabi penyudah. Dan Allah itu Maha mengetahui atas segala sesuatu.*" Ayat ini ada-lah muktamad. Sudah terang dan nyata bahawa Nabi Muhammad itu ia-lah *Khataman Nabiyin,* Nabi yang penghabisan. Kitab2 tafsir yang mashor menjelaskan dengan chukop terang dan kuat hal ini (sila rujok tafsir2 *Al-Khazin,* jilid V, m.s. 218; *An-Nasafi,* jilid III, m.s. 306; *Al-Jalalain,* jilid III m.s. 263; *Ibnu Kathi,* jilid III, m.s. 493).

Demikian-lah, sangat banyak ayat2 Al-Kor'an yang chuba di-selewengkan oleh Mirza Ghulam Ahmad dan pengikut2-nya. Dan bukan sa-takat itu sahaja keberanian-nya menodai Al-Kor'an, bahkan lebeh jauh lagi dalam sa-buah karangan-nya ada menyebut tentang wahyu yang turun kapada-nya (saperti yang di-dakwa-nya) ada-lah sama dengan Al-Kor'an, terhindar dan sunyi dari segala kesalahan (*Nuzul Al-Maseih m.s. 99, chetakan pertama di-Qadian 1909*). Dan kemudian mendakwa juga tentang wahyu2 yang di-terima-nya itu sa-bagai mempunyai *mukjizat* yang sa-banding dengan mukjizat Al-Kor'an (ini di-terangkan dalam buku-nya yang bertajok *I'jaz Ahmadi*).

**PENGHINAAN MIRZA GHULAM AHMAD TERHADAP NABI2.**

Salah satu rukun iman ia-lah perchaya kapada Rasul2 Allah dan para Nabi. Rasulullah s.a.w. yang berkeadaan paling tinggi dan afdzal dari Nabi2 dan Rasul2 yang lain, telah memerentahkan umat Islam supaya jangan sama sekali menggunakan perkataan2 yang tidak layak dengan kehormatan mereka sa-bagai orang2 pilehan Allah s.w.t. Akan tetapi Mirza Ghulam Ahmad telah berbuat sa-balek-nya dengan menghina Rasul2 dan Nabi2 Allah dengan tudohan2 yang tidak sopan, yang semua-nya itu ada-lah dusta semata2. Di-antara-nya ada-lah saperti berikut, saperti yang di-terangkan oleh buku *Mauqiful Ummah Al-Islamiah Minal Qadianiah:*

1. Berkata Mirza Ghulam Ahmad mengenai diri Nabi 'Isa 'Alaihissalam, kata-nya: *Sesunggoh-nya mudzarat yang menimpa umat Eropah akibat arak ada-lah di-sebabkan Nabi 'Isa sendiri meminum arak, samada untok mengubat penyakit atau kerana adat (tradisi) lama.*

2. Berkata lagi Mirza Ghulam Ahmad dalam *Dafi' Al-Bala* m.s. 20 dan 21 chetakan ketiga 1946 di-Qadian, sa-buah sha'er dalam bahasa Urdu: *Buangkan ingatan-mu dari mengingat anak Mariam (maksud-nya Nabi 'Isa), kerana Ghulam Ahmad ada-lah lebeh baik lagi daripada-nya.*

3. Sa-buah sha'er-nya pula yang di-tulis dalam bahasa Parsi dari buku *Izalatul Auham* m.s. 158 chetakan pertama, Mirza Ghulam Ahmad berkata: *Aku-lah orang yang berchakap benar kapada manusia, dan bagi 'Isa tidak ada tempat memijakkan kaki-nya ka-atas mimbar-ku.*

4. Kata-nya lagi dalam *Dafi' Al-Bala* m.s. 13: *Sesunggoh-nya Allah telah membangkitkan dari kalangan umat ini Al-Maseih Al-Mau'ud (yang di-di-janjikan), yang lebeh tinggi martabat-nya dari Al-Maseih yang pertama (maksud-nya Nabi 'Isa), dan adapun Al-Maseih yang kedua itu nama-nya Ghulam Ahmad.*

5. Dalam karangan-nya *Kashta Noh* m.s. 14, Mirza Ghulam Ahmad mendakwakan diri-nya lebeh utama daripada Nabi2 Allah dengan kata-nya: *Aku tegaskan, bahawa ribuan keterangan yang jelas telah membenarkan aku, dan ini boleh di-saksikan oleh ratusan ribu umat manusia. Jika kita teliti yang demikian itu, terang-lah semua-nya tidak ada pada Nabi2 yang terdahulu kechuali Nabi Muhammad.*

6. Tetapi di-dalam *Arba'en* No. 4 m.s. 17 chetakan tahun 1900, Mirza Ghulam Ahmad telah melahirkan permusohan-nya terhadap Nabi Muhammad s.a.w. di-samping penghinaan terhadap para Nabi yang lain. Isi penghinaan terhadap Nabi Muhammad itu terkandong dalam *Arba'en* No. 4 m.s. 17 chetakan tahun 1900, kata-nya: *Dengar-lah! Bukan masa-nya sekarang mengagongkan nama Muhammad, yakni menyanjong perkhidmatan-nya yang mulia, dan biar-lah kemuliaan itu ada perenggan-nya yang sesuai. Sekarang ia-lah masa matahari terik yang membakar, dan hajat kita kapada chahaya bulan yang lembut sejok, ia-itu-lah aku dalam bentok dan gambar sa-orang manusia : Ahmad!*

(BERSAMBONG)

**PERINGATAN**

**MULAI dari siri ini, saya seberapa yang boleh tidak akan menuliskan *nas2* asal ayat2 Al-Kor'an atau Al-Hadith, sa-bagai salah satu ikhtiar melindongi-nya dari sebarang keadaan yang tidak wajar. Oleh kerana itu, di-harap para pembacha akan mengambil maklom dan bersedia merujok semula *nas2* asal, terutama ayat2 Al-Kor'an melalui panduan2 yang sedia saya beri dalam tulisan ini.**




**SALAH sa-buah "Buku Qadiani" yang menggunakan nama ISLAM sa-bagai topeng-nya yang patut sekali di-ambil perhatian.**

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah bermula pada 7hb Disember, 1978.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. PUSU KERING — $4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Sharikat Hj. Abdul Rahman, No. 94, Jalan Chevalier.
   b) Leong Soon Huat, No. 1, Jalan McArthur.
   c) Lam Seng, No. 3, Jalan McArthur.
2. ASAM GELUGOR — $3.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Sharikat Hj. Abdul Rahman, No. 94, Jalan Chevalier.
3. KACHANG HIJAU — 60 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Ming Thai Company, No. 32, Jalan Sultan.

**KUALA BELAIT**

1. PUSU KERING — $4.20 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Fon Soon, No. 60-A, Jalan Pretty.
   b) Chin Fatt, No. 60-B, Jalan Pretty.
   c) Chop Haw Min, No. B, Bangunan Dewan Perniagaan China.
2. ASAM GELUGOR — $3.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Fan Soon, No. 60-A, Jalan Pretty.
3. KACHANG HIJAU — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Yick Yuen, No. 3, Jalan Pretty.
   b) Kok Kee, No. 60, Jalan. Pretty.
   c) Chop Haw Min, No. B, Bangunan Dewan Perniagaan China.
   d) Sharikat M. Haji, No. D2, Bangunan Dewan Perniagaan China.
   e) Ng. Ming Hong, No. E, Bangunan Dewan Perniagaan China.

**SERIA**

1. PUSU KERING — $4.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Chop Siong Hin, No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
   c) Chop Koh Seng Hang, No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
   d) Chop Kim Huat, No. 53, Jalan Bunga Kuning.
2. ASAM GELUGOR — $3.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   A. Muhammad, No. 66, Jalan Bunga Kenanga.
3. KACHANG HIJAU — 90 sen sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a) Chon Siong Hin, No. 3, Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Chop Kun Mee, No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Sa-bagai Pengajar Teknik dan Pen. Pengajar Teknikal

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Bahagian Sekolah2 Teknikal dan Lateh-Kerja, di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

1. PENGAJAR TEKNIK:
2. PENOLONG PENGAJAR TEKNIKAL:

Dalam bidang2 yang berikut: —

a) Plumbing and Pipefitting
b) Painting and Decorating
c) Welding and Vehicle Body Repair
d) Electrical Installation
e) Catering (Food and Beverage Service)
f) Refrigeration and Air-Conditioning

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 untok jawatan No: 1. hendak-lah mempunyai kelulusan City and Guilds Full Technological Certificate atau yang sebanding dengan-nya dan mempunyai pengalaman di-bidang industri atau pengalaman mengajar selama 10 tahun. Keutamaan akan di-berikan kapada chalon2 yang mempunyai sijil2 guru terlateh.

Pemohon2 untok jawatan No: 2. hendak-lah mempunyai kelulusan City and Guilds Advanced Craft Certificate atau yang sebanding dengan-nya dan mempunyai pengalaman di-bidang industri atau pengalaman mengajar selama 5 tahun.

**Umor:**

Tidak kurang dari 25 tahun.

**Dalam sukatan gaji:**

Jawatan No: 1. T. 8 — B$931-956-982-1007-1033-1071-1097-1135 - 1173 - 1211 - 1250 - 1301 - 1352/ E B /1403 - 1454 - 1505-1556 - 1607 - 1658 - 1709 - 1760-1811-1862.

ATAU

T. 9 — B$1135-1173-1211-1250-1301 - 1352 - 1403 - 1454 - 1505-1556 - 1607 - 1670 - 1709/ EB/1760-1811-1862-1913-1964-2015-2091-2142-2193-2219.

Jawatan No: 2. T. 7 — B$746-778-810-880 - 905 - 931 - 956-982-1007-1033-1071-1097 - 1135/ E B /1173 - 1211 - 1250 - 1301-1352 - 1377 - 1403 - 1428 - 1454-1479.

**Sharat2 Lantekan:**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada chukai pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Januari, 1979.

(E/618/72 — Bil: 136/1978)

## SUCCESSFUL TENDERS

1. Supply of generators (2 units) to Agriculture Department — Hock Hung Hing Auto Co — $7,999 per unit — 4/5 weeks.
2. Electrical installation to Fire Station at Brunei International Airport — Messrs Brunei Elec Co — $6,681.22.
3. School auditorium at SMM Muhammad Alam, Seria — Messrs Hong Kay Const Co — $362,600 — 8 months.
4. Construction of mosque at Kg Junjongan — Hu Ing Hee & Sons Const Co — $68,391.
5. Construction of mosque at Kg Menunggol — Awang Haji Ludin bin Hashim — $77,625 — 4 months.
6. Re-roofing of quarters E 18, 19 and 22 at Jalan Tasek Lama, Bandar Seri Begawan — Purnama Construction — $10,800 — 10 weeks.
7. Construction of 48 units barracks at Mile 2, Jalan Berakas, for the Municipal Department — Messrs Borneo Builders — $1,282,476 — 14 months.

---

1. Supply of corrugated iron roofing sheets (No 25/78) — South Island Trading Co — $33,800 — January/February 1979, CIF Muara.
2. Air conditioning installation and overhaul of three chillers, RTB — Cycle & Hertz Co — $93,869.
3. Electrical installation to Class 'B', 'C' and 'G' quarters at First Flotilla Base — Borneo Air Cond & Eng Co — $127,238.
4. Electrical installation to Fisheries Field Station, Old Flotilla Base — Messrs Kwek Eng Co — $6,063.
5. Site preparation to the proposed 2 blocks 12-unit flat — Phase I, at Istana Darul Hana — Yu Lian Dev Sdn Bhd — $41,984.50.
6. Air conditioning to Male and Female Ward Block, Tutong District Hospital — Marsee & Co — $46,683.50 — not later than April (end of April) 1979.
7. Disposal of unserviceable vehicle (Lot 45) — Voon Sze Motor Workshop — $8,500.
8. Construction of 29 blocks G qtrs for RBMR at Berakas Camp — Messrs Swee Pte Ltd — $10,667,480 — 12 months for first 8 blocks and 24 months for second 21 blocks.
9. BSB sewerage scheme — proposed 10' branch sewer off Jalan Tutong — Swee Pte Ltd — $143,579.81.
10. Construction of quarters for Medical Department, KB — Messrs Archee Const Co — $3,220,211.50 — 14 months.

## P.W.D. TENDER NOTICES

### No. 220 OF 1978

TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 19th December, 1978 for: —

RE-ROOFING OF NURSES' HOSTEL AT JALAN SUMBILING, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

### No. 221 OF 1978

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 26th December, 1978 for: —

REPAIRS TO MAKTAB MELAYU PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN, JALAN MUARA, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## Kenyataan Pegawai Penguasa Warith

### No. 174/1978

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Haji Md Salleh bin PP Matseruddin, 57, Kg Sungai Kedayan 'A', Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Dayang Aminah binte Awang Burut yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah suami kapada si-mati.

### No 175/1978

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dy Masino bte Mohammad, E, Block 1, Room 8, Jalan Malabau Bahru, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Sahari bin Idris yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah Balu kapada si-mati.

### No. 177/1978

BAHAWA permohonan kapada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Tan Kim Tai, c/o Messrs Yong Wong & Chin, Room 413-414, Bangunan Guru2 Melayu, Jalan Kianggeh, Brunei kerana minta Surat Kuasa kapada harta pesaka yang di-punyai oleh Kwong Fung Yin yang telah meninggal dunia di-dalam Westminster, England dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah suami kapada si-mati.

Oleh itu kenyataan2 di-beri bahawa permohonan2 di-atas akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 23hb Disember, 1978 jam 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadhir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kapada Makhamah Pegawai Penguasa Warith, Brunei sa-belum tarikh yang tersebut di-atas.

**Charlie Foo**
*Pegawai Penguasa Warith Negeri Brunei.*

## Pemandu Outboard di-Jabatan Perikanan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 sebagai Pemandu Outboard di-Jabatan Perikanan, Brunei.

**Kelayakan2:**

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman memandu outboard selama 3 tahun dan boleh memperbaiki kerosakan2 kechil bagi jentera outboard.

**Tugas2:**

Chalon2 yang berjaya akan di-kehendaki memandu perahu2 berjentera Jabatan dan juga bertanggong jawab dalam pemeliharaan harian ka-atas perahu2 dan injin2 dan mesti-lah bersedia menjalankan tugas2 di-luar waktu2 bekerja.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji F.2-3-4-5 EB. 6 — $332-338-344-351-357-363-370-376-383-389-395 - 402 - 408-414-427-440 /EB/ 453-465-478-491-504-516.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 27hb Januari, 1979.

(E/1092/77 — Bil: 138/1978)

## Penyelanggara Setor Tingkat III

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sebagai Penyelenggara Setor Tingkat III di-Pejabat Daerah, Tutong, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Chalon2 untok lantekan ini mesti-lah berumor tidak kurang 18 tahun dan lulus sekurang2nya Tingkatan III atau yang sebanding dengan-nya.
b) Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang mempunyai pengalaman dalam Penyelenggara Setor Tingkatan III.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497 - 510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Januari, 1979.

(E/922/72 — Bil: 137/1978)

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei, from Registered Class "AX" and above Contractors up to 12.00 noon on Tuesday 19th December 1978 for the
   EARTHWORKS AND SITE DRAINAGE AT THE SITE OF WELFARE HOME AT KAMPONG PULAII, JALAN KEBANGSAAN, BRUNEI.
2. Tenders received after 12.00 noon Tuesday 19th December 1978 will be rejected.
3. Tenders shall be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name and address of the Tenderer and shall be marked clearly "Tender for the Earthworks and Site Drainage at the Site of the Welfare Home at Kampong Pulaii, Jalan Kebangsaan, Brunei.
4. Drawings and Bill of Quantities may be obtained from and examined at the office of Akitek Ibrahim, Akitek Berkanun, 201 Perdana Shopping Complex, Mile 1 Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan during normal office hours on payment of a deposit of $200.00 which will be refunded to each unsuccessful Tenderer upon receipt of a bona fida tender and on return of all tender documents in good condition.
5. Tender shall be submitted only on the Forms of Tender provided.
6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or anv tender.

Akitek Ibrahim
(Akitek Berkanun)
201, Perdana Shopping Complex,
Mile 1, Jalan Tutong,
P. O. Box 2285,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

## JUALAN LELONG

ADA-LAH dengan ini di-beri Notis ia-itu jualan lelong barang2 yang tersebut di-dalam Jadual di-bawah akan di-adakan pada 21hb Disember, 1978.

Lelongan ini ada-lah bersharat berikut: —

1. Pembeli yang berjaya hendak-lah membayar dengan wang tunai dan memindahkan barang2 yang di-beli-nya tidak lewat dalam tujoh hari dari hari perlelongan.
2. Pembeli yang berjaya hendak-lah juga membayar chukai kastam jika perlu.
3. Apa2 barang yang telah di-beli tetapi tidak di-pindahkan dalam tempoh tujoh hari tersebut akan di-rampas kembali dan di-jual semula.

**JADUAL**

| Bil: | Butir2 Keterangan Benda: | Tempat Lelong | Tarikh dan Masa Lelong |
|---|---|---|---|
| 1. | BG.1880 "Austin Princess" | Di-Kawasan Lapangan Terbang Lama Jalan Berakas, Brunei. | 21hb Disember, 1978 jam 9.00 pagi. |
| 2. | BG.1501 Allis Chalmers HD 6 Loader. | — sda — | — sda — |

## PUBLIC AUCTION

NOTICE is hereby given that a public auction of the under mentioned items of goods specified on the Schedule will be held on 21st December, 1978.

The sale will be subject to the following conditions: —

1. The successful bidder will be required to pay cash and remove the goods from the site not later than seven days after the auction.
2. The successful bidder will also be required to pay Customs duty wherever applicable.
3. Any items of goods bought but not removed within this period of seven days will be forfeited resold.

**SCHEDULE**

| No. | Description of Articles | Place of Auction Sale | Time and Date of Auction Sale |
|---|---|---|---|
| 1. | BG.1880 "Austin Princess" | At the Compound of the old Airport Jalan Berakas, Brunei. | 21st December, 1978 at 9.00 a.m. |
| 2. | BG.1501 Allis Chalmers HD 6 Loader. | — do — | — do — |

## TENDER NOTICE

### STATE STORES AND SUPPLIES DEPARTMENT TENDER NOTICE No. 40/78

TENDERS are invited from "BONA FIDE" suppliers/Agents for the supply of:

4000 METRIC TONNES REFINED GRANULATED CANE WHITE SUGAR, COARSE GRAIN.

Tender documents may be obtained from the Office of the Controller of Government Stores, State Stores and Supplies Department, Jalan Gadong on payment of a tender deposit of B$1,000.00. This deposit will be refunded in full to the unsuccessful tenderer after the award of the tender is known.

Tender closes by 12.00 noon on Tuesday, 16th January, 1979.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of The State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei from Brunei registered A Class Electrical and Mechanical Contractors up to noon on 1st January 1979 for: —
   SUPPLY AND INSTALLATION ELECTRICAL AND MECHANICAL SERVICES FOR HELIPORT AT ISTANA DARUL HANA.
2. Tenders received after this date will be rejected.
3. Tenders must be submitted in a plain sealed envelope without any indication on the cover of the identity of the tendering contractor.
4. The envelope must be addressed to the Chairman of the Tenders Board and endorsed 'Tender for Electrical and Mechanical Services Heliport, Istana Darul Hana'.
5 Tender documents may be obtained from John R. Harris Architects at Unit 401, 2nd Floor Seri Shophouse Complex, 1¼ miles Jalan Tutong, B.S.B. Brunei from 11th December 1978.
6. The Tender deposit will be B$200.00 which will be refunded to each tenderer on the return of all tender documents and the submission of a bona fide tender.
7. Tenders must be submitted on the approved form.
8 The client is not bound to accept the lowest or any tender.



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei sedang memereksa perbarisan kehormatan yang terdiri dari anggota Pulis Diraja Brunei di-Pekarangan Dewan Majlis sa-jurus sa-belum Baginda merasmikan Persidangan Majlis Mashuarat Negeri pada hari Rabu minggu lalu.

# Titah Kebawah D.Y.M.M.

Dari muka 1

pendudok negeri ini turut menyumbangkan tenaga bakti kapada Kerajaan Baginda.

Baginda Yang Dipertuan seterus-nya memberitahu Dewan bahawa Rang Perjanjian yang telah Baginda dan Kerajaan Baginda Queen initial dalam bulan September yang baru lalu itu dengan izin Allah akan di-tanda-tangani dengan penoh istiadat di-negeri ini pada awal Januari yang akan datang.

"Walaupun istiadat menanda-tangani itu akan di-adakan dalam awal Januari tahun 1979, akan tetapi tempoh bagi Brunei menchapai kemerdekaan penoh maseh lagi lima tahun di-kira dari 31hb Disember tahun ini yakni tahun 1978", jelas Baginda Yang Dipertuan.

Bagaimanapun Kebawah Duli Yang Maha Mulia memberi jaminan ada-lah menjadi hasrat kedua belah pehak bahawa dengan perjanjian baharu itu Negeri Brunei dan Great Britain akan meneruskan serta menguatkan lagi persahabatan dan kerjasama yang sedia ada.

Bertitah mengenai perkara2 yang akan di-binchangkan dalam mashuarat persidangan tahun ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menjelaskan bahawa persidangan akan membinchangkan Ranchangan Belanjawan Negeri tahun 1979 yang antara-nya akan menggambarkan usaha2 Kerajaan Baginda yang berterusan khusus-nya dalam bidang pertahanan dan keselamatan, pelajaran dan pendidekan termasok perkembangan di-lapangan Ugama Islam, perubatan dan kesihatan dan lain2-nya yang di-maksudkan untok memberi munafaat kapada seluroh raayat dan pendudok negeri ini.

Di-samping itu titah Baginda, Majlis juga akan membinchangkan beberapa Rang Undang2 termasok Rang Undang2 Menchegah Penyalah-gunaan Dadah yang bertujuan untok melindongi raayat dan pendudok dari di-timpa oleh bahaya2 penyalah-gunaan dadah, kerana keadaan demikian telah menjadi masaalah yang rumit di-kalangan masharakat di-beberapa buah negeri lain.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia menambah titah sambil menegaskan peri mustahak-nya kita menguatkan usaha2 di-bidang pertahanan dan keselamatan supaya segala kerja2 yang berkebajikan kapada negeri ini akan terus di-laksanakan dan raayat serta pendudok yang chintakan keamanan akan dapat menjalankan usaha2 mereka yang jujor tanpa gangguan.

Mengakhiri titah, Baginda Yang Dipertuan menyatakan kegembiraan di-atas kehadhiran Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson sambil menguchapkan terima kaseh kapada Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Pasokan Pulis Diraja Brunei dan Pasokan Gurkha yang telah berusaha mengawal bagi menchemerlangkan keamanan dan kemakmoran dalam susasana bahagia dan maju di-negeri ini.

Keberangkatan Baginda Yang Dipertuan ka-Istiadat pada pagi itu telah di-sambut dengan satu upachara perbarisan kehormatan yang terdiri dari anggota Pulis Diraja Brunei di-mana Baginda menerima dan memereksa perbarisan tersebut.

Di-antara yang hadhir di-Istiadat Pembukaan Rasmi Majlis Mashuarat Negeri itu ia-lah TYT Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson, DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin; YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohd Bolkiah; Penasehat Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa dan YTM Seri Paduka Pengiran Pemancha.




DUA orang pegawai kanan Kerajaan telah pulang ka-tanah ayer awal bulan ini sa-telah menghadhiri perundingan sa-rantau mengenai dengan Tahun Kanak2 Antarabangsa. Perundingan yang di-anjorkan oleh Surohanjaya Ekonomi dan Sosial bagi Rantau Asia dan Pasifik itu telah di-adakan di-Manila pada 28hb Nobember hingga 1hb Disember.

Mereka ia-lah Dr P. Durayappah, Pegawai Perubatan dari Jabatan Perubatan dan Kesihatan dan Awang Ali Hashim bin Haji Daud, Penguasa Pelajaran Menengah.

Sa-belum menghadhiri perundingan itu, Dr Durayappah dan Awang Ali Hashim telah menghadhiri Bengkel Perundingan Awal yang di-adakan dari 25hb hingga 27hb Nobember.

Menurut Awang Ali Hashim bahawa perundingan tersebut bertujuan antara lain untok memberikan peluang kapada perwakilan bertukar pengalaman, pendapat2, chara2 pelaksanaan dan kegiatan2 yang di-ator oleh tiap2 negara di-rantau ini bagi menyambut Tahun Kanak2 Antarabangsa dalam tahun 1979 serta untok menggalakkan penubohan "jentera kebangsaan" untok tujuan ini.

**GAMBAR atas kelihatan perwakilan Brunei Awang Ali Hashim dan Dr. Durayappah ketika menghadhiri Perundingan tersebut.**

# PERUNTOKAN BAGI JABATAN2 KERAJAAN TAHUN 1979

Dari muka 1

404,491.00 bagi peruntokan Jabatan Talikom yang mana tahun lalu hanya mendapat $7,461,132.00 manakala Pejabat2 Daerah mendapat kurangan peruntokan dari tahun lalu dan hanya berjumlah $8,213,-613.00 tahun ini.

Jabatan Pertanian tahun ini akan di-peruntokkan sa-banyak $7,665,473.00, Jabatan Setia Usaha Kerajaan sa-banyak $5,158,690.-00, Pasokan Bomba sa-jumlah $4,932,475.00 serta Jabatan Laut sa-banyak $3,972,929.00.

Bagi Jabatan Pelabohan2 peruntokan juga di-sediakan sa-banyak $3,516,203.-00, $3,254,048.00 bagi Jabatan Perchetakan, Jabatan Ukor $3.246,232.00 dan $3,161,706.00 bagi Dewan Bahasa dan Pustaka.

Perkhidmatan Pos akan mendapat peruntokan sa-banyak $3,065,041.00, Jabatan Kastam $2,988,502.-00, Jabatan Muzium sa-banyak $2,559,885.00, Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan sa-banyak $2,470,806.00 dan Jabatan Adat Istiadat sa-banyak $2,185,264.00.

Untok Jabatan Setor dan Perbekalan Negara peruntokan akan di-berikan sa-banyak $2,030,494.00, Jabatan Perbendaharaan sa-banyak $1,960,505.00, Majlis Mashuarat Negara sa-banyak $1,335,222.00 dan Jabatan Tanah sa-banyak $1,368,704.00.

Jabatan Imigereshen dan Pendaftaran Kebangsaan juga di-peruntokkan sa-jumlah $1,772,724.00, Jabatan Kehutanan sa-banyak $1,192,861.00, Jabatan Perikanan sa-banyak $1,105,-167.00 dan peruntokan sa-banyak $1,063,473.00 bagi Jabatan Odit serta $1,063,-314.00 kapada Jabatan Pengangkutan Darat.

Sa-banyak tujoh buah Jabatan Kerajaan yang lain tahun ini telah menerima peruntokan yang kurang dari satu juta ringgit ia-itu $660,148.00 kapada Jabatan Surohanjaya Perkhidmatan Awam, $645,578.00 bagi Jabatan Kehakiman, $550,082.00 bagi Jabatan Undang2, $531,442.00 bagi Jabatan Buroh, $439,367.00 kapada Jabatan Kemajuan Kerjasama, $411,687.00 bagi Jabatan Perpindahan dan $401,110.00 kapada Jabatan Peranchang Bandar dan Desa.

Di-samping itu YB Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama John Lee yang di-jangka akan membentangkan Rang Undang2 Perbekalan 1979 itu akan juga membentangkan dua Rang Undang2 Perbekalan Tambahan bagi Perkhidmatan 1978 yang berjumlah kira2 $3 juta dan satu Ketetapan Dari Undang2 Kumpolan Wang Kemajuan berjumlah kira2 $183.6 juta.

Dari muka 1

ekspot ia-lah $2,060 juta sedangkan impot pula $301 juta.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negara ketika membentangkan usol tersebut juga memberitahu Dewan antara lain:

*Mata-wang Brunei terus dalam keadaan stabil dengan persamaan nilai emas maseh tidak berubah. Jumlah peredaran ringgit Brunei berjumlah $98 juta.

*Simpanan2 Brunei di-seberang laut telah di-peranekajeniskan supaya kesan2 perubahan dalam kadar2 pertukaran dapat di-kurangkan dengan sekechil2-nya.

*Subsidi kerajaan terus di-berikan saperti penjualan2 minyak, beras dan bahan2 pertanian di-samping kerajaan menerusi Jabatan Pertanian akan terlibat dalam usaha pertanian sa-paroh perdagangan bagi penanaman padi untok membekalkan pengeluaran beras yang sa-chukop-nya di-negeri ini.

*Perusahaan ternakan lembu kerajaan dan Sharikat swasta yang di-mileki oleh Mitsubishi Corporation sedang di-usahakan.

*Kerajaan menerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi terus memberi pinjaman kapada raayat untok mendirikan perusahaan2 sa-chara kechil2an.

*Pinjaman TV berwarna diteruskan bagi membolehkan kebanyakan keluarga memileki TV berwarna sendiri.

*Penerbangan Diraja Brunei dapat mengekalkan taraf gerakan-nya yang tinggi dan dengan ini sa-buah kapalterbang baru berkeupayaan mengangkut penumpang dan barang akan di-mileki.

*Kemajuan di-bidang pelajaran dapat di-kekalkan, sekolah2 baru terus di-dirikan, usaha2 membekalkan kanak2 dengan pelajaran sedang di-laksanakan.

(Uchapan sa-penoh-nya dari Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama John Lee akan di-siarkan sa-chara bersiri mula keluaran minggu depan).—Pengarang.

# Beringat2 bila membeli daging yg di-pasarkan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Daging2 lembu, kerbau, kambing dan ayam yang di-pasarkan di-negeri ini jika tiada di-ketahui siapa yang telah menyembelih-nya maka ada-lah di-kira bangkai pada pandangan Ugama Islam.

Demikian yang telah di-fatwakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Haji Ismail bin Umar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan Brunei baru2 ini.

Fatwa demikian ada-lah berthabit dari pertanyaan yang di-bangkitkan darihal ayam yang di-jual di-peti2 sejok di-kedai2 dan di-beli oleh orang2 Islam.

Fatwa tersebut mengingatkan lagi bahawa daging2 lembu, kerbau, kambing dan ayam pada mula-nya dan asal-nya ada-lah haram di-makan oleh orang Islam, kechuali sa-telah di-sembelih mengikut sembelihan chara Islam. Jika binatang2 tersebut di-sembelih oleh orang bukan Islam maka binatang2 itu ada-lah menjadi bangkai.

Oleh yang demikian, menurut fatwa tersebut **"daging lembu atau kerbau atau kambing atau ayam yang di-jual di-pasar atau di-kedai atau super-market, yang di-simpan dalam peti2 sejok atau di-bungkos dalam plastik atau tiada di-bungkos, sama ada di-tulis dengan perkataan 'halal' atau 'di-tanggong halal', jika tiada di-ketahui siapa yang menyembelih akan-nya, atau di-ragu2kan siapa yang menyembelih binatang2 itu, maka daging2 atau ayam itu ada-lah hukum-nya bangkai menurut dari segi Ugama Islam."**

Menurut Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja, hukum sedemikian itu ada-lah berdasarkan Al-Kor'an dan Al-Hadith serta juga pendapat ulama'.

Seterus-nya beliau telah juga mengingatkan orang ramai akan akibat memakan dan menjual ayam dan daging yang tiada di-ketahui orang Islam menyembelih-nya itu. Perbuatan tersebut dan juga menghidangkan bahan daging2 yang di-anggap bangkai itu ada-lah dosa besar.

**"Orang yang makan bangkai itu menjadi orang fasik, tiada sah ia menjadi wali, dan menjadi saksi nikah dan lain2 saksi".** Dan di-tegaskan lagi dalam fatwa tersebut bahawa **"menipu dan mendaya orang Islam saperti menjual bangkai atau senghaja memberi bangkai ada-lah dosa besar, dan di-takuti orang yang menipu, mendaya dan churang itu mati bukan dalam Islam."**

## PENAFIAN

**ADA-LAH di-jelaskan bahawa Y.B. Setia Usaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz tidak pernah memberi jamuan makan kapada Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yaakub dan tidak menemani beliau ketika menyaksikan perlawanan Piala Borneo, saperti yang di-beritakan dalam Akhbar Borneo Bulletin keluaran 9hb Disember yang lalu.**

## RALAT

KETERANGAN gambar bagi anak2 ayam yang berumor antara enam hingga delapan bulan dan isi cherita 'di-berikan suntekan antara minggu ke-enam atau kedelapan minggu' saperti yang terkandong dalam ruangan MENTERNAK AYAM DENGAN BANTUAN SEKIM PINJAMAN muka 11, keluaran PELITA BRUNEI, 6hb Disember yang baru lalu dengan ini di-betulkan sa-bagai ayam2 yang berumor tiga minggu yang di-berikan chongkelan menchegah chachar. — Pengarang.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.